

LAPORAN TAHUNAN 2012



www.townplan.gov.my

KANDUNGAN



6

PERUTUSAN KETUA PENGARAH

10

PENGURUSAN TERTINGGI

24

KOMPONEN PENGURUSAN

Strategi Korporat
Struktur Organisasi
Pengurusan Kewangan
Pembangunan Sumber Manusia
Pembangunan Teknologi Maklumat
Pengurusan Kualiti dan Pelan Strategik JPBD
Program Pengantarabangsaan

126

PERKHIDMATAN TERAS

Rancangan Fizikal Negara
Dasar Perbandaran Negara
Kajian Profil Bandar Ke-2
Rancangan Wilayah
Rancangan Struktur
Rancangan Tempatan
Rancangan Kawasan Khas
Laporan Penilaian Program
Publisiti dan Hebah
Kajian Prosedur Perancangan dan Sebaran
Program NKRA Bandar Selamat



206

PENGURUSAN PELANGGAN

Kajian Kepuasan Pelanggan
Program Hari Bersama Pelanggan
Lawatan Delegasi Dalam dan Luar Negara

222

PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN 2012

232

IMBASAN AKTIVITI JABATAN 2012

268

PENERBITAN JABATAN 2012





SEJARAH JPBD

JPBD KINI



Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD), Semenanjung Malaysia ditubuhkan pada tahun 1921, diletakkan di bawah portfolio Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Peranan utama Jabatan ini adalah untuk memberi nasihat kepada Menteri yang seterusnya bertanggungjawab pula kepada Parlimen dalam semua hal yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa di Semenanjung Malaysia.

Pejabat Perancangan Bandar dan Desa yang pertama dibuka di Bangunan Sekretariat Kuala Lumpur (Bangunan Sultan Abdul Samad) pada 18 Januari 1921.

Pada masa kini, terdapat lapan (8) bahagian dan tiga (3) unit di JPBD Semenanjung Malaysia iaitu:

- Bahagian Rancangan Fizikal Negara
- Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
- Bahagian Perancangan Wilayah
- Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan
- Bahagian Korporat
- Bahagian Rancangan Pembangunan

- Unit Penyelarasan Projek
- Pejabat Projek Zon Utara
- Pejabat Projek Zon Tengah
- Pejabat Projek Zon Selatan
- Pejabat Projek Zon Timur

- Bahagian Maklumat Gunatanah Negara
- Bahagian Khidmat Pengurusan
- Unit Khas NKRA Bandar Selamat
- Unit Audit Dalam
- Unit Undang- Undang

PERUTUSAN
Ketua Pengarah



PERUTUSAN

KETUA PENGARAH



“Berpandukan enam (6) Teras Strategi dan 23 program, JPBD telah berjaya mempertingkatkan dan memperkasakan perkhidmatannya sebagai peneraju perkhidmatan perancangan bandar dan desa yang terunggul, relevan signifikan dalam pembangunan negara”

DATO' MOHD. FADZIL BIN HAJI MOHD. KHIR
Ketua Pengarah
Jabatan Perancangan Bandar dan Desa
Semenanjung Malaysia

egik
aya
kan
raju
andar
dan
a. ”

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Ilahi atas rahmat dan izin-Nya, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia dapat menerbitkan Laporan Tahunan 2012. Saya merakamkan terima kasih di atas kerjasama dan komitmen semua lapisan pegawai Jabatan yang bersama-sama memberi input, idea dan usaha menjayakan penerbitan laporan ini.

Berpanduan enam (6) Teras Strategik dan 23 program, JPBD telah berjaya mempertingkatkan dan memperkasakan perkhidmatannya sebagai peneraju perkhidmatan perancangan bandar dan desa yang terunggul, relevan dan signifikan dalam pembangunan negara.

Dalam menuju ke arah pusat kecemerlangan perancangan bandar dan desa, JPBD menghadapi pelbagai isu dan cabaran mendatang dan berdepan dengan ekspektasi tinggi pihak berkepentingan dan pelanggan. Ini telah mendorong JPBD untuk bertindak segera secara responsif, inovatif, kreatif dan holistik.

Penerbitan Laporan Tahunan Jabatan merupakan satu usaha yang sangat penting kerana ia memuatkan semua aktiviti dan maklumat serta pencapaiannya dalam tahun dilaporkan. Laporan ini akan menjadikan sumber dokumentasi dan rujukan yang sangat berharga bagi sesuatu Jabatan.

Akhir kata, syabas dan terima kasih kepada semua lapisan pegawai di atas daya usaha dan komitmen serta kesungguhan dalam merealisasikan matlamat Jabatan.

PENGURUSAN Tertinggi



PENGURUSAN TERTINGGI



DATO' MOHD. FADZIL BIN HAJI MOHD. KHIR
Ketua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa




EN. KAMALRUDDIN BIN SHAMSUDIN
Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan)



DR. DAHLIA BT ROSLY
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

STRUKTUR ORGANISASI

CARTA ORGANISASI 2012





PENGARAH BAHAGIAN

JPBD 2012



CIK HJH. ROKIBAH BT. ABDUL LATIF
Pengarah
Bahagian Rancangan Fizikal Negara



PN. ZALEHA BT. SHAARI
Pengarah
Bahagian Perancangan Wilayah



CIK ROHANI BT. MD. HASHIM
Pengarah
Bahagian Korporat



TN. HJ. AHMAD B. ABDULLAH
Pengarah
Bahagian Perundangan dan
Kawal Selia Perancangan



TN. HJ. ZAINI B. ISHAK
Pengarah
Pejabat Projek Zon Utara



TN. HJ. MOHD NASIR B. DATO' SHAARI
Pengarah
Pejabat Projek Zon Tengah



TN HJ. MUHAMAD RIDZUAN B. ARSHAD
Pengarah
Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
(Menanggung)



TN. HJ. MD. ISA B. JAAFAR
Pengarah
Pejabat Projek Zon Selatan



EN. OMAR B. JAMALUDDIN
Pengarah
Bahagian Khidmat Pengurusan



EN. RAMLI B. ZULKIFLI
Pengarah
Bahagian Maklumat Gunatanah Negara



PN. ROHAYA BT. ABD. KADIR
Pengarah
Pejabat Projek Zon Timur
(Menanggung)



PN. AGNES ANAK JOHARI
Ketua Unit
Unit Penyelarasan Projek
(Menanggung)

PENGARAH JPBD NEGERI

2012



TN. HJ. MOHD AZAM B. MOHD ABID
Pengarah JPBD Johor



DATO' DR. DOLBANI B. MIJAN
Pengarah JPBD Perak



DATO' ZAINON BT. AHMAD
Pengarah JPBD Pahang



TN. HJ. ZAINUDDIN B. AHAMAD
Pengarah JPBD Pulau Pinang



TN. HJ. MOHD ZAKI B. IBRAHIM
Pengarah JPBD Selangor



TN. HJ. NORAN B. SHARIF
Pengarah JPBD Kedah



TN. HJ. MOHD ANUAR B. MAIDIN
Pengarah JPBD Terengganu



EN. ABDUL JAMIL B. ARSHAD
Pengarah JPBD Melaka



TN. HJ. MOHAMED FAUZI B. HJ. ZAIN
Pengarah JPBD Kelantan



PN. HJH. KAMARIAH BT. IBRAHIM
Pengarah JPBD Negeri Sembilan



EN. KHAIRULZAMAN B. IBRAHIM
Pengarah JPBD Perlis



KOMPONEN Pengurusan



STRATEGI KORPORAT

VISI

Menjadi peneraju perancangan bandar dan desa ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti, sejahtera dan mampan menjelang 2020.

MISI

Memacu perancangan fizikal negara melalui pelaksanaan dan pemantauan perancangan pembangunan yang komprehensif, sistematik dan inovatif ke arah kesejahteraan masyarakat.

MOTO

‘Bersama Mewujudkan Persekitaran Mampan’

DASAR KUALITI

Menjadikan Jabatan sebagai pusat bagi perkhidmatan perancangan bandar dan desa yang cemerlang, gemilang dan terbilang.





KOMPONEN PENGURUSAN

OBJEKTIF

- i Untuk mengukuhkan sistem pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi di kawasan bandar dan desa bagi meningkatkan taraf kehidupan selaras dengan matlamat negara;
- ii Untuk mengatur, mengawal dan menyelaraskan pemajuan, penggunaan dan pemuliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan akta-akta berkaitan;
- iii Untuk menggubal dan melaksana kaedah, dasar, pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian yang berkesan oleh semua agensi di peringkat perancangan; dan
- iv Untuk memastikan perkhidmatan perancangan bandar dan sistem maklumat yang berkualiti bagi keperluan perancangan jangka panjang.

FUNGSI

Bagi memastikan perancangan kegunaan, pembangunan dan pemeliharaan tanah yang sempurna, JPBD memainkan peranan melalui fungsi-fungsinya di tiga peringkat kerajaan iaitu peringkat persekutuan, negeri dan tempatan.

FUNGSI

PERINGKAT PERSEKUTUAN

- Memberi nasihat kepada Kerajaan Persekutuan dalam hal yang berkaitan dengan pemajuan dan penggunaan tanah;
- Bertindak sebagai urusetia kepada Majlis Perancang Fizikal Negara yang dibentuk di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- Menggalakkan sistem perancangan yang komprehensif, efektif dan efisien melalui undang-undang perancangan, metodologi perancangan, kajian perancangan, piawaian, prosedur dan kaedah-kaedah perancangan;
- Menterjemahkan dasar sosio ekonomi nasional kepada bentuk fizikal dan spatial mengikut formula guna tanah dan dasar serta program petempatan;
- Membantu kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan agensi-agensi kerajaan dalam penyediaan rancangan struktur, rancangan tempatan dan rancangan kawasan khas; dan
- Menyelia, mengemaskini dan menerbitkan perangkaan, buletin dan kaedah yang berkaitan dengan perancangan bandar dan desa.
- Memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri dalam semua hal perancangan, termasuk pemajuan dan penggunaan tanah dan bangunan;

PERINGKAT NEGERI

- Berfungsi sebagai Setiausaha bagi Jawatankuasa Perancang Negeri yang ditubuhkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172);
- Menasihati Pihak Berkuasa Tempatan berhubung dasar dan kawalan perancangan tanah dan bangunan;
- Mengawal pembangunan dalam negeri termasuklah kelulusan dan kawal selia ke atas pelaksanaan rancangan pemajuan;
- Membantu dalam penyediaan pelan susun atur bagi projek khas yang dikendalikan Kerajaan Negeri;
- Mengendalikan kajian dan penyelidikan berkenaan penggunaan dan pembangunan tanah.

FUNGSI

PERINGKAT TEMPATAN

- Mengawal selia, mengawal dan merancang pemajuan dan penggunaan tanah dan bangunan dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan;
- Mengendalikan, membantu dan menggalakkan pengumpulan, pengemaskinian dan penerbitan statistik, buletin, monograf dan penerbitan lain yang berkaitan perancangan bandar dan desa serta kaedahnya; dan
- Melaksanakan apa-apa fungsi lain yang dipertanggungjawabkan oleh Pihak Berkuasa Negeri atau Jawatankuasa Perancang Negeri dari semasa ke semasa.





KOMPONEN PENGURUSAN

PIAGAM PELANGGAN

KOMITMEN KAMI :

Menjadi peneraju perancangan bandar dan desa ke arah mewujudkan persekitaran kehidupan yang berkualiti, sejahtera dan mampan menjelang 2020.

Memacu perancangan fizikal negara melalui pelaksanaan dan pemantauan perancangan pembangunan yang komprehensif, sistematik dan inovatif ke arah kesejahteraan masyarakat

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

Jayakan **P**erkhidmatan **B**erkualiti dan **D**inamik

PIAGAM PELANGGAN

UNTUK MENCAPAINYA, KAMI AKAN

MENGAJI SEMULA RANCANGAN FIZIKAL NEGARA
Sekali Setiap Lima (5) Tahun

MENYEDIAKAN RANCANGAN WILAYAH
Dalam Tempoh 18 Bulan

MENYEDIAKAN DRAF PENGUBAHAN RANCANGAN STRUKTUR
Dalam Tempoh 12 Bulan

MENYEDIAKAN DRAF PENGGANTIAN RANCANGAN STRUKTUR
Dalam Tempoh 15 Bulan

MENYEDIAKAN DRAF PENGUBAHAN RANCANGAN TEMPATAN
Dalam Tempoh 6-8 Bulan

MENYEDIAKAN DRAF PENGGANTIAN RANCANGAN TEMPATAN
Dalam Tempoh 10-12 Bulan

MENYEDIAKAN RANCANGAN KAWASAN KHAS
Dalam Tempoh Enam (6) Bulan

MENYEDIAKAN GARIS PANDUAN/ PIAWAIAN PERANCANGAN
Dalam Tempoh 12 Bulan

MENGUBAL, MENYEMAK ATAU MEMINDA DRAF KAEDAH -
KAEDAH DI BAWAH AKTA 172
Dalam Tempoh 12 Bulan

BUDAYA KERJA

IO K

- 1 ketaqwaan
Taat perintah Allah dan bekerja sebagai satu amalan ibadat.
- 2 komitmen
Menjalankan tugas-tugas dengan penuh iltizam bagi mencapai objektif dan wawasan Jabatan.
- 3 keindahan
Cinta kepada keindahan rohani dan fizikal dalam amalan perancangan.
- 4 konsistensi
Melaksanakan tugas-tugas secara konsisten bagi mencapai kecekapan dan kredibiliti Jabatan.
- 5 kesopanan
Mengamalkan sifat hormat-menghormati, toleransi dan muafakat bagi mewujudkan organisasi yang mesra di kalangan kakitangan dan pelanggan.

6 kemesraan

Mewujudkan suasana kemesraan dan kekeluargaan di kalangan semua lapisan pegawai.

7 kebolehpercayaan

Amanah dalam menjalankan tugas yang dipertanggungjawabkan.

8 kecemerlangan

Sentiasa berusaha untuk menjadikan Jabatan sebagai Pusat Kecemerlangan dalam perkhidmatan perancangan bandar dan desa.

9 kreativiti & inovasi

Melahirkan idea-idea yang kreatif dan berinovasi.

10 kesegeraan

Sentiasa peka, responsif dan cepat dalam mencari penyelesaian.

STRUKTUR ORGANISASI

OBJEKTIF BAHAGIAN

Struktur Organisasi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia dibahagikan kepada dua (2) peringkat iaitu:

- Peringkat Persekutuan; dan
- Peringkat Negeri

PERINGKAT PERSEKUTUAN

Di peringkat ini JPBD diterajui oleh lapan (8) Bahagian:

Bahagian Khidmat Pengurusan

Bahagian Khidmat Pengurusan terdiri daripada empat (4) seksyen dengan objektif seperti berikut:

i. Seksyen Pentadbiran

Menguruskan hal ehwal pentadbiran am dengan cekap, tepat dan berkualiti dengan mematuhi prosedur, peraturan-peraturan dalam arahan perkhidmatan dan pekeliling yang sedang berkuatkuasa.

ii. Seksyen Kewangan

Menguruskan sumber kewangan Jabatan dengan cekap dan berkesan mengikut peraturan-peraturan dan pekeliling-pekeliling yang telah ditetapkan termasuklah:

- Memastikan segala unsur perbelanjaan dilakukan secara teratur, berhemah dan berkesan;
- Memastikan pembayaran dilakukan mengikut jadual masa yang ditetapkan dengan cekap;

- Memastikan pembayaran yang dibuat kepada individu/ agensi-agensi lain di sektor awam dan swasta dilakukan dalam tempoh masa yang ditetapkan; dan
- Mengawal selia rekod-rekod pembayaran mengikut peraturan-peraturan kewangan yang diguna pakai.

iii. Seksyen Sumber Manusia

Mewujudkan satu pencapaian tahap kemahiran, kepakaran dan profesionalisme yang cemerlang kepada semua lapisan pegawai di dalam perkhidmatan perancangan bandar dan desa melalui program latihan yang bersepadu dan komprehensif.

iv. Seksyen Teknologi Maklumat

- Memastikan pembangunan projek ICT selaras dengan objektif Jabatan dan sektor awam;
- Memastikan keselamatan ICT selaras dengan Dasar Keselamatan ICT Sektor Awam; dan
- Memastikan perolehan ICT selaras dengan Pekeliling Perolehan ICT Sektor Awam.

OBJEKTIF BAHAGIAN

Bahagian Korporat

- Menyedia dan memantau pelaksanaan Pelan Strategik Jabatan (PSJ) yang berdayalaksana dan mencapai visi dan misi Jabatan;
- Menyelaras dan memantau sistem pengurusan kualiti Jabatan dan pencapaian prestasi KPI Jabatan yang ditetapkan;
- Merangka program penyebaran maklumat Jabatan bagi meningkatkan pemahaman awam terhadap perkhidmatan Jabatan serta pengendalian aduan awam;
- Menyelaras program pengantarabangsaan dan kerjasama strategik Jabatan bagi tujuan peningkatan profesionalisme perkhidmatan; dan
- Menjalankan tugas keurusetiaan mesyuarat utama Jabatan dan penyelarasan maklum balas Parlimen serta mesyuarat Kementerian lain menepati tempoh yang ditetapkan.

Unit Audit Dalam

Membantu pihak pengurusan JPBD mencapai matlamat yang telah ditetapkan melalui pendekatan yang sistematik dan keberkesanan proses kawalan serta tadbir urus terutama dalam aspek pengurusan kewangan dan pematuhan kepada peraturan dan prosedur yang telah ditetapkan.

Unit Undang-Undang

Memberi perkhidmatan dan nasihat perundangan yang berkualiti selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Malaysia yang dijadikan asas dalam sistem perancangan fizikal negara.

OBJEKTIF BAHAGIAN

Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan

- Menyediakan kajian penyelidikan/garis panduan perancangan selaras dengan dasar pembangunan negara, prinsip perancangan dan amalan terbaik (*best practices*) di dalam dan luar negara;
- Menyediakan kajian penyelidikan/garis panduan perancangan merangkumi :
 - a. Penilaian dasar dan penyelidikan antarabangsa,
 - b. Perancangan guna tanah serta komponennya,
 - c. Perancangan alam sekitar dan pengurusan risiko,
 - d. Morfologi, reka bentuk dan warisan bandar,
 - e. Metodologi dan teknik perancangan,
 - f. Pembangunan mampan.
- Memastikan kajian penyelidikan perancangan menggunakan pendekatan terkini, saintifik, kreatif, inovatif dan praktikal;
- Mengkaji semula garis panduan perancangan bagi menyesuaikan dengan perubahan dasar dan keperluan semasa;
- Memberi *input* kepakaran kepada bahagian-bahagian lain dalam jabatan dan agensi atau pihak lain yang berkepentingan;
- Mewujudkan kolaborasi dan perkongsian pintar dengan institusi pengajian tinggi, penyelidikan dan badan iktisas dalam dan luar negara;
- Mengadakan sesi *teach-in*, *expert talk*, forum, rundingan meja bulat, seminar, bengkel dan sebagainya berkaitan dengan penyelidikan perancangan; dan
- Menerbitkan monograf, jurnal dan buletin penyelidikan perancangan.

OBJEKTIF BAHAGIAN

Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan

- Memberi khidmat nasihat berkaitan perundangan perancangan bandar dan desa kepada agensi Persekutuan, negeri, pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) dan orang awam;
- Membuat promosi dan sebaran dasar berkenaan perundangan perancangan bandar dan desa;
- Menyelaras dan memantau penerima pakaian Akta 172, kaedah-kaedah, panduan dan manual di bawah peruntukan Akta 172;
- Menyediakan kertas perakuan bagi permohonan pembangunan di bawah subseksyen 22(2A), Akta 172 kepada MPFN;
- Menjalankan siasatan perancangan dan memantau projek-projek pembangunan yang telah diangkat dan diperakukan oleh MPFN;
- Menyemak dan mengkaji semula Akta 172 serta menyedia cadangan pindaan Akta 172; dan
- Menyedia dan mengkaji semula kaedah-kaedah, panduan-panduan dan manual di bawah peruntukan Akta 172.

OBJEKTIF BAHAGIAN

Bahagian Maklumat Gunatanah Negara

- Memastikan pangkalan data perancangan adalah yang terkini berdasarkan kesediaan (*availability*) data; dan
- Membekalkan data kepada pemohon berpandukan permohonan yang lengkap dan kesediaan data dalam tempoh masa tujuh (7) hari dari tarikh permohonan diterima oleh Pegawai.

Bahagian Rancangan Fizikal Negara

- Merumus rangka kerja dasar-dasar strategik perancangan spatial dan tindakan pelaksanaan melalui Rancangan Fizikal Negara (RFN) bagi menyediakan hala tuju pemajuan pembangunan, kegunaan dan pemuliharaan tanah di Semenanjung Malaysia;
- Menggubal Dasar Perbandaran Negara (DPN) bagi memandu dan menyelaraskan perancangan dan pembangunan bandar supaya lebih efisien dan sistematik;
- Merancang dan menyelaraskan pelaksanaan Sistem Pembangunan Tanah Bersepakat (PTB) sebagai salah satu kaedah alternatif pembangunan tanah dalam negara;

- Menggubal Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara (DPFDN) sebagai rangka kerja untuk pembangunan bersepadu kawasan desa dan pusat pertumbuhan desa; dan
- Melaksanakan semua urusan dengan cekap, teratur dan berkesan serta pemantauan maklumbalas yang kemas dan teratur mengikut jadual, tempoh dan format yang ditetapkan.

Bahagian Perancangan Wilayah

- Memastikan perlaksanaan peruntukan seksyen 6A Akta 172 dan mengurus fungsi dan peranan Jawatankuasa Perancang Wilayah;
- Merancang dan menyelaraskan dasar dan strategi pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi dalam sesuatu wilayah selaras dengan rangka perancangan spatial Negara;
- Menasihati dan memantau pemajuan kawasan bersempadanan dalam wilayah bagi membantu Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mencapai dasar perancangan spatial negara yang berkaitan dengan wilayah berkenaan; dan
- Membantu Jabatan merangka, menyelaraskan dan memantau kajian-kajian perancangan berkepentingan nasional untuk mencapai hasrat pembangunan Negara.

OBJEKTIF BAHAGIAN

Unit Penyelarasan Projek

- Menyediakan Laporan Kemajuan Pelaksanaan Program semasa dan membentuk program serta anggaran belanjawan mengikut *rolling plan* bagi Rancangan Malaysia Lima Tahun (RMLT);
- Menyediakan Laporan Anggaran Belanjawan Pembangunan Jabatan Dwi Tahunan berdasarkan kalendar aktiviti Pekeliling Perbendaharaan;
- Menyediakan Laporan Mingguan (Kementerian dan Jabatan) dan Laporan Bulanan (Agensi Pusat) bagi kemajuan fizikal dan kewangan projek menggunakan SPP II; dan
- Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Pemantauan Projek-Projek Pembangunan dua (2) kali setahun bagi setiap Zon/Bahagian.

Pejabat Projek Zon Tengah, Utara, Selatan dan Timur

- Menyediakan rancangan pemajuan/rancangan pembangunan yang menepati keperluan *standard* (dari segi perundangan, garis panduan dan dasar) dan peruntukan sumber (peruntukan dan lingkungan masa) menggunakan pendekatan teknikal dan saintifik yang diperakui oleh pakar, berdayalaksana dari segi ekonomi, sosial dan politik serta lestari.

PERINGKAT NEGERI

Kesemua JPBD Negeri secara amnya dibahagikan kepada dua (2) bahagian, walaupun mempunyai ciri-ciri pentadbiran tersendiri tetapi mempunyai struktur organisasi yang sama iaitu:

Bahagian Pentadbiran

- Mengurus segala hal pentadbiran dan pengurusan Jabatan seperti pentadbiran am, perkhidmatan dan kewangan.

Bahagian Teknikal

- Melaksanakan aktiviti-aktiviti teknikal seperti urus setia JPN, menyelaras rancangan-rancangan pemajuan, menyediakan pelan-pelan pembangunan, perancangan bagi projek-projek khas, memberi khidmat nasihat perancangan dan memproses permohonan-permohonan perancangan.

PENGURUSAN KEWANGAN

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS

Seksyen Kewangan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menguruskan Peruntukan Perbelanjaan Mengurus, manakala Unit Penyelarasan Projek menguruskan Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan.

Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus

Peruntukan dan Perbelanjaan Mengurus B43 yang diluluskan pada tahun 2012 ialah RM 50,575,300.00. Jumlah Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2012 ialah RM 53,838,845.08 iaitu 106.45.% bertambah sebanyak 5.38% berbanding dengan 100.62% pada tahun 2011. Peningkatan belanja tahun 2012 adalah kerana bayaran imbuhan tahunan sebanyak 1 bulan gaji dan kenaikan gaji kakitangan awam sebanyak 13%.

Peruntukan Perbelanjaan Mengurus B43

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI (%)
Dasar Sedia ada	49,249,000.00	52,511,974.47	106.62
Dasar <i>One Off</i> (Aset)	1,326,900.00	1,326,870.61	99.99
JUMLAH	50,575,300.00	53,838,845.08	106.45

Sumber: Seksyen Kewangan, 2012

Peruntukan Perbelanjaan Mengurus Mengikut Aktiviti

	PERKARA	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PRESTASI (%)
Aktiviti 070100	Pengurusan	13,033,500.00	13,268,084.74	101.80
Aktiviti 070200	Rancangan Pemajuan	24,488,200.00	27,255,222.30	111.35
Aktiviti 070300	Penyelidikan dan Perundangan	11,726,700.00	11,988,667.43	102.34
Aktiviti 120200	Aset	1,326,900.00	1,326,870.61	99.99
JUMLAH		50,575,300.00	53,838,845.08	106.45

Sumber: Seksyen Kewangan, 2012

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN MENGURUS

Ringkasan Prestasi Perbelanjaan Latihan Sehingga Disember 2012

BIL	KURSUS	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)
1	Kursus Wajib	98,000.00	45,396.00
2	Kursus Umum	290,601.00	242,330.80
3	Kursus <i>Functional</i>	549,932.00	470,512.39
4	Kursus Swasta	200,000.00	188,249.00
JUMLAH		1,138,533.00	946,488.19

Sumber: Seksyen Kewangan, 2012

PERATUS (%)	BILANGAN SIRI KURSUS	BILANGAN KURSUS YANG DILAKSANAKAN	PERATUS (%)
46.32	6	5	83.33
83.39	29	28	96.55
85.56	40	40	100.00
94.12	1	1	100.00
83.13	76	74	97.37

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), *Rolling Plan Pertama Tahun* 2011-2012

Pelaksanaan program dan projek di bawah peruntukan pembangunan (P43) Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) dijalankan secara *rolling plan*. Pendekatan ini memperlihatkan pelaksanaan program dan projek akan dibuat untuk setiap dua (2) tahun. Pendekatan ini dibuat berdasarkan kepada keupayaan kewangan semasa kerajaan dan memberi fleksibiliti kepada kerajaan untuk mengambilkira keutamaan baru sama ada sesuai dengan perubahan persekitaran ekonomi domestik dan global.

Sehubungan itu, pada awal tahun 2010 ketika proses permohonan projek RMKe-10 bagi *Rolling Plan Pertama* (Tahun 2011-2012), JPBD telah memohon cadangan untuk menjalankan 67 projek dengan peruntukan berjumlah RM48,414,000 dengan mengekalkan tujuh (7) program iaitu:

- i. Rancangan Tempatan;
- ii. Rancangan Struktur;
- iii. Kajian Prosedur Perancangan dan Sebaran Dasar;
- iv. Pembangunan Teknologi Maklumat;
- v. Rancangan Fizikal Negara;
- vi. Rancangan Wilayah; dan
- vii. Rancangan Kawasan Khas

Walaupun bagaimanapun, Unit Perancang Ekonomi (UPE) pada 22 September 2010 hanya meluluskan 14 projek iaitu 10 projek sambungan dan empat (4) projek baru dengan peruntukan siling (2011-2012) berjumlah RM11,300,000.00.

Peruntukan Rolling Plan Pertama (Tahun 2011-2012)

PROGRAM	PERMOHONAN		KELULUSAN		
	BIL PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	BIL PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	LULUS (%)
Rancangan Tempatan	10	8,950,000	10	1,490,000	16.6
Kajian Prosedur Perancangan dan Sebaran Dasar	4	796,000	2	342,000	43
Pembangunan Teknologi Maklumat	5	4,769,050	3	750,000	15.7
Rancangan Fizikal Negara	2	1,460,168	2	617,500	42.3
Rancangan Wilayah	3	492,000	2	107,010	21.8
Rancangan Kawasan Khas	4	801,000	4	801,010	100
JUMLAH	28	17,268,218	23	4,107,520	23.8

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2012

PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN

Peruntukan dan Prestasi Pembangunan Tahun 2012

Peruntukan sejumlah RM4,107,520 diluluskan untuk tahun 2012. Sehingga tarikh penutupan akaun, prestasi perbelanjaan pembangunan adalah RM3,873,358.57 iaitu 94.30%. Perincian perbelanjaan adalah seperti ditunjukkan dalam jadual berikut.

Peruntukan dan Prestasi Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2012

PROGRAM	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN (RM)	PERBELANJAAN (RM)	PERATUS (%)
Rancangan Tempatan	10	1,490,000	1,466,874.15	98.45
Kajian Prosedur Perancangan dan Sebaran Dasar	2	342,000	327,227.64	95.68
Pembangunan Teknologi Maklumat	3	750,000	736,169.48	98.16
Rancangan Fizikal Negara	2	617,500	598,771.60	96.97
Rancangan Wilayah	2	107,010	105,400.00	98.50
Rancangan Kawasan Khas	4	801,010	638,915.70	79.76
JUMLAH	23	4,107,520	3,873,358.57	94.30

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2012



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

PENGENALAN

Kerajaan telah memberi penekanan terhadap kepentingan pengurusan dan pembangunan sumber manusia sektor awam sebagai landasan kepada Jabatan untuk melengkapkan setiap pegawai dengan pengetahuan, kemahiran serta tingkah laku/nilai.

Pada masa kini, pengurusan dan pembangunan sumber manusia tidak lagi dilihat sebagai faktor sokongan sesebuah organisasi tetapi sebagai penyumbang strategik yang signifikan kepada kejayaan dan kecemerlangan organisasi.

Pendekatan Jabatan dalam pengurusan dan pembangunan sumber manusia berasaskan kompetensi ini mampu melahirkan pegawai yang berpengetahuan, berkemahiran dinamik, progresif dan berdaya saing di samping mempunyai sikap dan integriti yang kukuh, berdisiplin dan mempunyai nilai - nilai murni.

Seksyen Sumber Manusia (SSM) memainkan lima (5) peranan utama dalam mengurus dan mengawasi urusan sumber manusia iaitu:

1. Urusan perkhidmatan personel bermula dari pelantikan hingga persaraan pegawai;
2. Urusan perjawatan yang merangkumi susunan dan data perjawatan yang kemaskini dan teratur;
3. Urusan rekod – rekod perkhidmatan dan buku rekod perkhidmatan pegawai;
4. Urusan kenaikan pangkat dan tindakan tatatertib pegawai mengikut kesesuaian; dan
5. Urusan kursus, latihan, bengkel, seminar, peperiksaan dan kompetensi dalam dan luar negara.

PROGRAM LATIHAN BAGI TAHUN 2012

Pada tahun 2012, Jabatan telah memperuntukan sebanyak RM1,138,533.00 peruntukkan kursus iaitu 19 peratus (19%) daripada emolumen bersamaan dengan 74 siri kursus yang telah dianjurkan oleh setiap Bahagian/Seksyen di Jabatan.

Tahun 2012 juga mencatatkan pencapaian latihan/ kursus tujuh (7) hari setahun bagi setiap pegawai adalah 98 peratus (98%) seperti di Jadual. Latihan/ kursus ini adalah dalam bentuk *hardskill* dan *softskill* bagi memenuhi keperluan sumber manusia yang berpengetahuan dan berkemahiran di samping sikap/tingkah laku yang tinggi.

Jabatan juga telah menjalankan Analisis Keperluan Latihan (TNA) bagi setiap lapisan pegawai iaitu Kumpulan Pengurusan dan Profesional, Kumpulan Sokongan 1 dan Kumpulan Sokongan 2.

Berdasarkan kepada analisis keperluan ini, Jabatan telah menganjurkan dan menyelaraskan satu cadangan latihan/kursus/bengkel untuk pelaksanaan bagi tahun 2012 seperti di Jadual.

Rumusan Kehadiran 7 Hari Kursus Tahun 2012 Bagi Pegawai - Pegawai di JPBD Ibu Pejabat

BIL.	BAHAGIAN / PEJABAT PROJEK	JUMLAH PENGISIAN JAWATAN	JUMLAH PEGAWAI YANG MEMENUHI 7 HARI BERKURSUS	PERATUS (%)
1.	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan	43	43	100
2.	Bahagian Rancangan Fizikal Negara	48	46	96
3.	Bahagian Korporat	31	30	97
4.	Bahagian Perancangan Wilayah	31	31	100
5.	Bahagian Perundangan dan Kawalselia Perancangan	48	48	100
6.	Pejabat Projek Zon Timur/ URP Kuantan/ URP KB	79	79	100
7.	Pejabat Projek Zon Utara	79	74	94
8.	Pejabat Projek Zon Selatan/ URP Johor	76	76	100
9.	Pejabat Projek Zon Tengah	76	76	100
10.	Bahagian Maklumat Gunatanah Negara	34	34	100
11.	Unit Penyelarasan Projek	17	17	100
12.	Bahagian Khidmat Pengurusan	65	56	86
13.	Pejabat KP/TKP	9	8	89
14.	Unit Undang-Undang	1	1	100
15.	Unit Audit Dalam	2	2	100
16.	Unit Khas NKRA Bandar Selamat	12	12	100
JUMLAH		651	633	97

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2012

Rumusan Kehadiran 7 Hari Kursus Tahun 2012 Bagi Pegawai - Pegawai di JPBD Negeri

BIL.	JPBD NEGERI	JUMLAH PENGISIAN JAWATAN	JUMLAH PEGAWAI YANG MEMENUHI 7 HARI BERKURSUS	PERATUS (%)
1.	JPBD Selangor	13	13	100
2.	JPBD Perak	12	12	100
3.	JPBD Melaka	9	9	100
4.	JPBD Kedah	8	8	100
5.	JPBD Perlis	2	2	100
6.	JPBD Terengganu	9	9	100
7.	JPBD Kelantan	6	6	100
8.	JPBD Pahang	11	11	100
9.	JPBD Johor	7	7	100
10.	JPBD Pulau Pinang	8	8	100
11.	JPBD Negeri Sembilan	9	9	100
JUMLAH		94	94	100
JUMLAH KESELURUHAN		745	727	98

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2012

Latihan/Kursus/Bengkel/Taklimat/Seminar yang Dianjurkan Bagi Tahun 2012

BIL.	LATIHAN / KURSUS/ BENGKEL/ TAKLIMAT/ SEMINAR	BIL. PESERTA	BIL. LATIHAN
Dalam Negara			
1.	Kursus/Bengkel/Taklimat/Seminar Anjuran JPBD (Wajib, Umum dan <i>Functional</i>)	3,127	74
2.	Kursus/Bengkel/Taklimat/Seminar Dalam Negeri Anjuran Kerajaan	550	45
3.	Kursus / Bengkel /Seminar Anjuran INTAN	105	15
4.	Kursus/Bengkel/Taklimat/ Seminar Dalam Negeri Anjuran Swasta	1,456	52
5.	Kursus/Bengkel/Taklimat/Seminar Anjuran IPTA	120	10
Luar Negara			
1.	Kursus Jangka Pendek Luar Negara	32	20
JUMLAH		5,158	196

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2012

**Taklimat Orientasi Pegawai
Lantikan Baru Pegawai
Perancang Bandar dan Desa
Gred J41**

Seramai 24 orang Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41 telah melapor diri pada 28 Ogos 2012 bertempat di Perpustakaan JPBD. Taklimat orientasi pegawai telah diadakan bermula 28 hingga 30 Ogos 2012 bertempat di Bilik Mesyuarat Melati. Pelbagai program telah dianjurkan untuk program orientasi tersebut seperti taklimat berkaitan Pengenalan Jabatan, Kewangan, Keselamatan dan Berkaitan Pengurusan Perkhidmatan, Cuti dan Peraturan Tatatertib Pegawai. Taklimat ini diadakan bertujuan untuk memberikan pendedahan awal kepada pegawai baru yang dilantik berkaitan tugas dan tanggungjawab setelah menjawat jawatan dalam perkhidmatan awam amnya serta bidang perancangan bandar dan desa khususnya.





Kursus 'Taking Leaders To The Next Level (Translating Strategic Plans Into Desired Results)'

Pada 4 dan 7 Disember 2012, Seksyen Sumber Manusia telah menganjurkan Kursus *Taking Leaders to the Next Level* yang telah diadakan di M & H Hotel Cheras Kuala Lumpur. Peserta yang dijemput adalah pegawai dari Gred 44 sehingga Gred 54.

Kursus '*Taking Leaders To The Next Level (Translating Strategic Plans Into Desired Results)*' diadakan sebagai salah satu kriteria untuk memenuhi Pelan Penggantian Jabatan dan membentuk gaya kepimpinan pegawai- pegawai.

Penceramah yang dijemput dalam kursus ini merupakan seorang penceramah yang terkenal dan berkaliber iaitu YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Sheikh Omar Abdul Rahman dari Elite Essential Sdn. Bhd.

Anugerah Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat

SSM juga telah menyelaraskan calon – calon bagi penganugerahan Darjah Kebesaran, Bintang dan Pingat sama ada negeri atau persekutuan. Calon – calon terdiri daripada pegawai – pegawai yang telah berjasa kepada negeri dan negara. Pegawai yang telah menerima Anugerah Darjah Kebesaran sepanjang tahun 2012 adalah seperti berikut:

BIL	NAMA	JAWATAN/GRED/ TEMPAT BERTUGAS	DARJAH KEBESARAN
1.	Mohd Sharif bin Che Din	Pegawai Perancang Bandar dan Desa J52, PPZU	Bintang Perkhidmatan Cemerlang (B.C.K) , Negeri Kedah
2.	Che Puan binti Jusoh	Pen. Pegawai Perancang Bandar dan Desa J29, PPZU	Pingat Perkhidmatan Cemerlang Kedah (P.C.K), Negeri Kedah
3.	Mohd Zabir bin Halim	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa J26, PPZU	Pingat Perkhidmatan Cemerlang Kedah (P.C.K), Negeri Kedah
4.	Ahmad Khadri bin Othman	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa J22(KUP), PPZU	Pingat Jasa Kebaktian (PJK), Negeri Pulau Pinang
5.	Abd Razak bin Rahman	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa J26, BPW	Pingat Pangkuan Negara (PPN), Wilayah Persekutuan

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2012



Kursus Jangka Panjang Dalam dan Luar Negara

Jabatan melalui Panel Pembangunan Sumber Manusia telah memilih pegawai-pegawai yang sesuai dan berkeelayakan melalui pelawaan pencalonan bagi mengikuti kursus Pengajian Pasca Ijazah di Peringkat Kedoktoran dan Sarjana dengan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Jabatan juga memberi kelulusan kepada pegawai-pegawai yang berminat untuk melanjutkan pengajian secara persendirian dengan kemudahan-kemudahan seperti cuti separuh gaji, cuti belajar, tajaan mengikut tawaran JPA semasa.

Pemilihan pegawai adalah berasaskan pengkhususan bidang Jabatan dan beberapa kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak pengurusan Jabatan. Pada tahun 2012, seorang pegawai telah berjaya mengikuti kursus jangka panjang peringkat Doktor Falsafah (PhD), dua (2) orang di Peringkat Sarjana dan seorang di peringkat Sarjana Muda dan seorang lagi di peringkat Diploma.

BIL	NAMA PEGAWAI	JAWATAN	BIDANG PENGKHUSUSAN PENGAJIAN
1.	En. Abdul Rashid bin Abd. Rani	Juruteknik Perancang Bandar & Desa Gred J17, Bahagian Perancangan Wilayah	Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah, Politeknik Sultan Abdul Halim Muadzam Shah
2.	Pn. Zaleha binti Abdul Aziz	Pen. Peg. Perancang Bandar & Desa Gred J29, Bahagian Maklumat Gunatanah Negara	Ijazah Sarjana Muda Perancangan Bandar dan Wilayah, Universiti Teknologi Mara (UiTM)
3.	En. Mustafa Bakri bin Alias Sani	Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J44, JPBD Negeri Selangor	Sarjana Sains Sosial - Geografi (Dalam Negara)
4.	En. Mohd Sukri bin Baharom	Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41, Bahagian Rancangan Fizikal Negara	Doktor Falsafah Perancangan Bandar dan Wilayah (Dalam Negara)
5.	En. Yoon Boon Chew	Pegawai Tadbir dan Diplomatik Gred M48, Bahagian Khidmat Pengurusan	Sarjana Analisis Strategi dan Keselamatan (Dalam Negara)
6.	Pn. Lelawati @ Normadiah binti Ismail	Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J41, Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan	Sarjana Sains Pembangunan (Dalam Negara)

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2012

Peperiksaan Subjek Jabatan Bagi Skim Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa

Peperiksaan Subjek Jabatan merupakan syarat yang diperlukan untuk pengesahan dalam perkhidmatan bagi Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J29, Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J17 dan Pelukis Pelan Gred J17 yang masih dalam tempoh percubaan.

Peperiksaan Subjek Jabatan Siri 1 Tahun 2012, telah diadakan daripada 12 hingga 15 Jun 2012 bertempat di Institut KWSP, Bangi, Selangor. Seramai 213 orang calon telah memohon dan seramai 212 orang calon telah menghadiri peperiksaan berkenaan. Seramai 84 orang calon memohon bagi Skim Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J29, 105 orang calon memohon Skim Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J17 dan 26 orang calon memohon Skim Pelukis Pelan Gred J17.

Peperiksaan Subjek Jabatan Siri 2 Tahun 2012, telah diadakan pada 6 hingga 8 November 2012 bertempat di Institut KWSP, Bangi, Selangor. Seramai 221 orang calon telah memohon dan seramai 221 orang calon telah menghadiri peperiksaan berkenaan. Seramai 75 orang calon memohon bagi Skim Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa Gred J29, 103 orang calon memohon Skim Juruteknik Perancang Bandar dan Desa Gred J17 dan 24 orang calon memohon Skim Pelukis Pelan Gred J17 dan untuk Ujian Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) seramai 19 orang calon telah memohon untuk menduduki peperiksaan berkenaan.

Perjawatan 2012 Jumlah keseluruhan tenaga kerja JPBD Semenanjung Malaysia sehingga Disember 2012 adalah seperti berikut:

PERJAWATAN	JUMLAH	PERATUS (%)
Diisi	912	92
Kosong	56	6
Kumpulan	20	2
JUMLAH	988	100

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2012

**Pengisian
Jawatan 2012**

PENEMPATAN	KUMPULAN PENGURUSAN & PROFESIONAL	KUMPULAN SOKONGAN	JUMLAH
Ibu Pejabat	190	485	675
Negeri	91	-	91
Kader	139	7	146
JUMLAH	420	492	912

Sumber: Seksyen Sumber Manusia, 2012

PEMBANGUNAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

SISTEM E-PLANNING ENQUIRIES

Sistem *ePlanning Enquiries* merupakan satu aplikasi yang dibangunkan bagi menyokong sistem kaunter pertanyaan di peringkat Persekutuan dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri. Aplikasi ini akan memudahkan orang awam mengemukakan sebarang pertanyaan perkhidmatan perancangan bandar dan desa. Sistem ini telah dibangunkan pada April 2012 dan dijangka beroperasi pada Januari 2013.

Perkhidmatan pertanyaan atas talian:-

- i. Piawaian perancangan;
- ii. Kegunaan tanah yang dibenarkan;
- iii. Khidmat nasihat pembangunan kawasan berdasarkan rancangan struktur negeri (RSN) dan rancangan tempatan (RT) dan rancangan kawasan khas (RKK);
- iv. Akta-akta, kaedah dan dasar-dasar perancangan dan lembaga rayuan; dan
- v. Perkara-perkara lain berkaitan perancangan bandar dan desa di peringkat negeri.



Sistem *ePlanning Enquiries* terdiri daripada 3 modul iaitu:-

- i. Modul Soal;
- ii. Modul Laporan; dan
- iii. Modul Pengurusan Pertanyaan.

Sistem *ePlanning Enquiries* terdiri daripada 3 peranan iaitu :-

- i. Pengguna;
- ii. Pentadbir (*Desk Officer*); dan
- iii. Pengarah Negeri.

Peranan Pengguna :-

Pengguna adalah orang awam terdiri daripada individu/tuan tanah, pemaaju/perunding/arkitek/juru ukur/pelajar IPT dan agensi

Peranan Pentadbir (*Desk Officer*):-

- i. Menerima pertanyaan daripada pengguna;
- ii. Menyediakan draf jawapan terhadap pertanyaan yang diterima; dan
- iii. Menambah/mengemaskini garis panduan dan piawaian.

Peranan Pengarah Negeri :-

- i. Menyediakan jawapan akhir terhadap draf jawapan yang diterima daripada *desk officer*; dan
- ii. Sistem akan emel kepada pengguna secara automatik setelah Ketua Jabatan selesai mengisi jawapan akhir.

Capaian ke Sistem *ePlanning Enquiries*:-

- i. Laman Web JPBD Negeri; dan
- ii. Laman Web JPBD Semenanjung Malaysia.

Program-program yang telah dilaksanakan seperti berikut:

10 Mei 2012	Perbincangan Sistem <i>ePlanning Enquiries</i>
27 Jun 2012	Mesyuarat Sistem <i>ePlanning Enquiries</i> Bil.1/2012
18 Oktober 2012	Mesyuarat Sistem <i>ePlanning Enquiries</i> Bil.2/2012
11 Disember 2012	Mesyuarat Sistem <i>ePlanning Enquiries</i> Bil. 3/2012 (<i>User Acceptance Test</i>)
8 Januari 2013	Pelaksanaan Sistem <i>ePlanning Enquiries</i> Semua JPBD Negeri

PELAN STRATEGIK ICT (PSICT)

Pembangunan Pelan Strategik ICT (PSICT) JPBDSM 2012-2015 telah digubal secara *inhouse* oleh pasukan pembangunan PSICT JPBDSM yang telah dilantik dan terdiri daripada warga kerja JPBDSM di semua peringkat dengan kerjasama khidmat Perunding ICT Sektor Awam MAMPU dan BTM KPKT. PSICT JPBDSM mengambil masa enam bulan untuk dibangunkan bermula 27 Januari 2012 hingga 15 Jun 2012.

Visi ICT JPBDSM

Peneraju Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa Melalui ICT yang Bersepadu dan Inovatif.

Misi ICT JPBDSM

- Memantapkan integrasi aplikasi dan infrastruktur ICT ke arah penyampaian perkhidmatan yang efisien dan efektif.
- Memantapkan pembudayaan dan tadbir urus ICT bagi meningkatkan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan.

PSICT mengandung empat (4) Teras ICT yang merangkumi infrastruktur dan keselamatan ICT, aplikasi dan pangkalan data, tadbir urus dan pembudayaan ICT . Sebanyak 12 teras strategik ICT telah diwujudkan yang mengandungi 32 program ICT yang dirancang dilaksanakan pada tahun 2012 hingga 2015.

Majlis Pelancaran PSICT JPBD SM

Majlis pelancaran dan penyerahan dokumen PSICT JPBD SM 2012-2015 telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd Fadzil bin Haji Mohd Khir, KP JPBD SM dan YBhg Dato' Muhammad Zabidi Zainal, Ketua Pengarah MAMPU pada 14 Disember 2012 di Auditorium Tan Sri KR Soma, Wisma Tun Sambanthan, Kuala Lumpur. Turut hadir adalah YBrs. Dr Dahlia binti Rosly, Timbalan Ketua Pengarah Pembangunan selaku CIO Jabatan serta Pengarah-Pengarah Bahagian dan Pengarah-Pengarah JPBD Negeri.





PORTAL GUNATANAH JPBD

Portal Gunatanah JPBD dibangunkan bertujuan untuk menyediakan maklumat gunatanah sedia ada dan cadangan (*zoning*) yang terkandung di dalam rancangan pembangunan di bawah Akta 172 yang merangkumi Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur (RS) dan Rancangan Tempatan (RT).

Portal ini boleh diakses oleh setiap individu melalui url <http://landuse.townplan.gov.my>. Portal ini dibangunkan untuk memenuhi kehendak umum bagi mendapatkan maklumat gunatanah semasa dan gunatanah cadangan untuk tujuan perancangan, pembangunan, pengurusan harta, kajian, pendidikan, pengawalan dan meningkatkan sistem penyampaian kepada umum.

Kesemua maklumat gunatanah di dalam portal ini diperolehi daripada kajian di bawah Rancangan Malaysia Ke-8 (RMKe-8) termasuk RFN, RS dan RT. Data-data lain turut diperolehi daripada agensi kerajaan yang lain seperti Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM), Pusat Infrastruktur Data Geospasial Negara (MacGDI), kerajaan negeri dan PBT.


Bagi tahun 2012, Bahagian Maklumat Gunatanah Negara (BMGN) telah membuat penambahan modul kandungan dalam Portal Gunatanah JPBD bagi Modul Rancangan Tempatan di mana sub-modul Gunatanah Cadangan telah ditambah sebagai sub-modul bersama-sama sub-modul Gunatanah Semasa. Sub-modul Gunatanah Cadangan bagi RT yang dibuat penambahan di dalam Portal Gunatanah JPBD adalah seperti di Jadual berikut.

BIL.	NEGERI	GUNATANAH SEMASA
1.	Johor	Rancangan Tempatan Batu Pahat Rancangan Tempatan Muar
2.	Melaka	Rancangan Tempatan Jasin
3.	Negeri Sembilan	Rancangan Tempatan Jempol Rancangan Tempatan Jelebu
4.	Pahang	Rancangan Tempatan Cameron Highlands Rancangan Tempatan Pekan Rancangan Tempatan Rompin
5.	Perak	Rancangan Tempatan Perak Tengah Rancangan Tempatan Selama
6.	Selangor	Rancangan Tempatan Klang Rancangan Tempatan Kuala Selangor Rancangan Tempatan Sabak Bernam
7.	Terengganu	Rancangan Tempatan Setiu


Sumber: Bahagian Maklumat Gunatanah Negara, 2012







Rancangan Tempatan Setiu



Rancangan Tempatan Kuala Selangor

PERISIAN *OPEN SOURCE QUANTUM GIS*

Sejak tahun 2009, Jabatan telah menjadi agensi utama yang telah memperkenalkan dan mempromosikan penggunaan perisian *Open Source Quantum GIS* (QGIS) sebagai perisian GIS utama bagi sektor awam memandangkan ianya boleh membantu agensi-agensi kerajaan mengurangkan beban kos perolehan perisian GIS. Oleh kerana QGIS mampu menyediakan pemetaan dan analisis spatial setanding dengan perisian GIS berbayar, ia dilihat sesuai untuk kegunaan pelbagai agensi teknikal yang juga terlibat dengan pengendalian data GIS. Lanjutan itu, Jabatan telah menerima banyak permintaan daripada agensi luar dan dalaman jabatan untuk mendapatkan latihan QGIS.

Sepanjang tahun 2012, tumpuan diberi kepada kursus GIS peringkat *basic-intermediate* di mana kursus selama dua (2) hari telah dihadiri oleh seramai 20 peserta. Bagi Jabatan pula, untuk mengatasi kekurangan perisian GIS, Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan JPBD Semenanjung Malaysia Bil. 2/2012 pada 3 Julai 2012 telah memutuskan Jabatan menggunakan perisian QGIS bagi menggantikan penggunaan perisian GIS sedia ada.

Senarai Latihan QGIS yang dijalankan sepanjang tahun 2012

TEMPAT	PESERTA
Wisma Peladang, Alor Setar 18-19 Januari 2012	Pejabat Projek Zon Utara
Wisma Negeri Melaka 13-14 Februari 2012	Pejabat Projek Zon Selatan
Universiti Teknologi Petronas, Tronoh 13-14 Mac 2012	BTM, Universiti Teknologi Petronas
Wisma NRE, Putrajaya 15-16 Mac 2012	MaCGDI
Makmal Komputer JPBD Semenanjung Malaysia 20-21 Mac 2012	Pejabat Projek Zon Tengah
JPBDN Perlis, Kangar 10-11 April 2012	JPBD Negeri Perlis dan wakil dari agensi- agensi Kerajaan Negeri
ILPKT, Bukit Tinggi 16-17 April 2012	Pihak Berkuasa Tempatan & JPBD Negeri
Wisma K-Perak, Ipoh 24-25 April 2012	K-Perak Sdn. Bhd & wakil JPBDN Perak
ILPKT, Bukit Tinggi 8-9 Mei 2012	Pihak Berkuasa Tempatan & JPBD Negeri
ILPKT, Bukit Tinggi 5-6 Jun 2012	Pihak Berkuasa Tempatan & JPBD Negeri
Makmal Komputer JPBD Semenanjung Malaysia 24-26 Julai 2012	Wakil dari setiap bahagian dan pejabat projek
Wisma Perkeso, Kuala Terengganu 9-10 Oktober 2012	Pejabat Projek Zon Timur
ILKPT, Bukit Tinggi 29-30 Ogos 2012	Pihak Berkuasa Tempatan & JPBD Negeri
Universiti Putra Malaysia, Bintulu 13-14 November 2012	BTM, Universiti Putra Malaysia
Wisma KKLW, Putrajaya 10-11 Disember 2012	Kementerian Kemajuan Luar Bandar & Wilayah

Sumber: Bahagian Maklumat Gunatanah Negara, 2012





Latihan QGIS 2012

Jabatan juga telah membentangkan kertas kerja berkaitan penggunaan QGIS seperti berikut:

- i. Malaysia GeoSpatial Forum 2012 anjuran GeoSpatial Media and Communications Sdn. Bhd. di Melaka pada 6-7 Mac 2012;
- ii. Bengkel *Self-Reliance* Program OSS Sektor Awam Fasa III-08` anjuran MAMPU di Putrajaya pada 22-24 April 2012; dan
- iii. Seminar GIS dan Pemetaan Utiliti 2012 anjuran MPSJ & MIP di Subang Jaya pada 27 Disember 2012.

Seperti tahun lalu, Jabatan juga telah menyumbang artikel mengenai QGIS pada Buletin GeoSpatial Sektor Awam anjuran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) dimana artikel JPBD tahun ini akan dicetak dalam Buletin GeoSpatial edisi tahun 2013. Perkongsian ilmu juga telah dibuat dengan menyumbang sebanyak empat (4) artikel berkaitan QGIS pada laman *Malaysian Town Planning Research Network* atau <http://www.mytownnet.blogspot.com> anjuran Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, JPBD Semenanjung Malaysia.

Pameran dalam mempromosi dan memberikan latihan QGIS sepanjang tahun 2012 sama ada kepada pihak luar atau dalam Jabatan telah diadakan pada Persidangan dan Pameran MyGOSSCON 2013 anjuran MAMPU di Shah Alam pada 26 November 2012.



PLANNING GEODATA CENTRE (PGC)

Planning GeoData Centre adalah merupakan satu sistem aplikasi pengurusan data di atas talian yang mengendalikan permohonan data gunatanah dari pelbagai pihak mahupun individu. Seiring dengan fungsi JPBD sebagai *custodian data* gunatanah negara, aplikasi ini dibangunkan untuk meningkatkan sistem penyampaian Jabatan bagi memudahkan proses permohonan data gunatanah.

Aplikasi *Planning GeoData Centre* ini boleh dilayari menerusi laman web <http://jpbddataware.townplan.gov.my>. Kelebihan aplikasi tersebut adalah seperti berikut:

- i. Pemprosesan permohonan data yang cepat dan mudah;
- ii. Menjimatkan masa dan kos; dan
- iii. Perkongsian data antara agensi.



Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa
Planning GeoData Centre



Metals

- *Longer times*

Planning Party

FoodShare Case Review

Hubertus E. Krumm

Every Lesson

Peripartum Bergeat

ID: P08996-2

Website: www.pearsoncmg.com

Long Mac 16

Dietrich Klingenstein, Berlin

Lapre Kafa Lelwa: Sile

Führungsinformations-Systeme

ALAN GILLER AND JOHN GILLER

Shining Red-Tail Coverts

Samuel H. Kistner III, Ph.D.

Bringas Family (1999)

Journal of Management Education 34(10)

Summary: *Pharmaceutical R&D Costs*

Bergsma, M. M.

#009944-Enl.Terra's 2.076

*Jutan Larn

مفتی محمد رفیع الرحمن صاحب دہلی

Selamat Datang ke Laman Planning GeoData Centre

Planning GeoData Centre adalah merupakan satu sistem aplikasi pengurusan data di atas talian yang mengedukasi pemohonan data gunatani dan pembayar pihak manapun (individu). Bersempadan fungsi PR0 sebagai sumber dan data gunatani negara, aplikasi ini dibangunkan untuk meningkatkan sistem penyampaian layanan bagi memudahkan proses permohonan data gunatani. Pengurusan permohonan data geospasial ini dibenarkan dalam pengisian data jabatan yang dituntut sebagai Planning GeoData Centre (POC). Pembangunkan inisiatif gunatani negara juga memberikan data-data Smerit kepada bagi pembangunan pembondaran, pemdirian, kedudukan dan kawasan perhubungan sumber air akan seperti bagi kegunaan agensi-agensi perhubungan, kerajaan dan tempatan.

Maka itu, POC mengumpulkan data data spasial dari Kajian Rancangan Pemasaran yang terdiri dari data-data dari Kajian Rancangan Fasilitasi Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN) dan Rancangan Tempatan Daerah (RTD). Aplikasi pemrosesan data data talian ini diharap dapat membantu Pihak PSPDR bagi pelaksanaan pengurusan dan pemprosesan maklumat geospasial. Oleh yang demikian, dengan kemudahan aplikasi ini, ia diharapkan dapat memudahkan sepenuhnya bagi membantu jabatan Perancangan Bandar dan Desa memahami nilai data geospasial sedia ada yang secara tidak langsung dapat membantu perancangan dan pembangunan geospasial negara.

— 25 —

MODUL *Fserve*

Di dalam aplikasi PGC ini juga terdapat modul *Fserve* di mana modul ini menyediakan kemudahan untuk memuat naik atau memuat turun fail di antara pengguna JPBD Negeri/Pejabat Projek dan pengguna JPBD Semenanjung Malaysia kepada BMGN.

Beberapa siri kursus *Hands on Planning Geodata Centre* bagi modul *Fserve* telah diadakan seperti berikut:

- | | | |
|------|--|------------------|
| i. | Pejabat Projek Zon Tengah | 23 November 2012 |
| ii. | Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Negeri Pahang | 29 November 2012 |
| iii. | Pejabat Projek Zon Selatan | 5 Disember 2012 |
| iv. | Pejabat Projek Zon Utara | 20 Disember 2012 |



PENGURUSAN KUALITI DAN PELAN STRATEGIK JPBD

KPI JPBD SM BAGI TAHUN 2012

Pembentukan KPI Jabatan 2012 adalah berdasarkan kepada fungsi-fungsi Jabatan dan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) selaras dengan 4 Misi Nasional : Meningkatkan Tahap dan Kemampanan Kualiti Hidup di mana KPI Kementerian masih dijadikan asas kepada pembentukan KPI Jabatan iaitu :

- i. Meningkatkan Liputan Kawasan Perancangan Pembangunan di seluruh Semenanjung Malaysia; dan
- ii. Meningkatkan Tahap Pemakaian Pemahaman Garis Panduan dan Manual Kaedah, Akta dan Maklumat Gunatanah di Peringkat Negeri.

KPI Kementerian ini telah digariskan sebagai KPI utama Jabatan dan Ketua Pengarah serta kedua-dua Timbalan Ketua Pengarah.

Pencapaian Bidang Keberhasilan Utama (KRA) 2012

Dengan matlamat utama iaitu ke arah pencapaian Pemuatan Kepada Perancangan, 41 KPI bagi tahun 2012 telah dibentuk berdasarkan sembilan (9) KRA dan pencapaiannya adalah seperti berikut :

KRA	KPI		JUMLAH
	CAPAI	TIDAK CAPAI	KPI
KRA 1 : Dasar Perancangan Fizikal	2	-	2
KRA 2 : Perancangan Agihan Sumber dan Gunatanah Berkesan	4	-	4
KRA 3 : Semakan Akta 172 dan Gubalan Kaedah-Kaedah	1	-	1
KRA 4 : Inovasi dalam Perancangan	4	-	4
KRA 5 : Penyediaan Data Tepat dan Terkini	1	-	1
KRA 6 : Sistem Pemantauan Bersepadu	3	1	4
KRA 7 : Jalinan Hubungan Kerjasama dan Perundingan	14	1	15
KRA 8 : Pembangunan Sumber Manusia dan Pemantapan Organisasi	4	-	4
KRA 9 : Kepuasan Pelanggan	6	-	6
JUMLAH KESELURUHAN	39	2	41

Sumber: Bahagian Korporat, 2012

Perbandingan Pencapaian KPI Mengikut Tahun

Tahun	Capai	Tidak Capai	Bil KPI
2009	41 KPI (77.36%)	12 KPI (22.64%)	53 KPI
2010	37 KPI (72.55%)	14 KPI (27.45%)	51 KPI
2011	28 KPI (70%)	12 KPI (30%)	40 KPI
2012	39 KPI (95.12%)	2 KPI (4.88%)	41 KPI

Jadual Pemilik KPI 2012

BIL	PEMILIK	KPI 2012		
		Khusus	Bersama	Jumlah
1.	Bahagian Rancangan Fizikal Negara (BRFN)	5	8	13
2.	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP)	3	7	10
3.	Bahagian Korporat (BK)	2	7	9
4.	Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan (BPKSP)	5	8	13
5.	Bahagian Maklumat Gunatanah Negara (BMGN)	4	7	11
6.	Bahagian Perancangan Wilayah (BPW)	1	8	9
7.	Bahagian Khidmat Pengurusan - Sek. Pentadbiran	-	4	4
8.	Bahagian Khidmat Pengurusan - Sek. Kewangan	-	4	4
9.	Bahagian Khidmat Pengurusan - SSM	-	4	4
10.	Bahagian Khidmat Pengurusan - STM	2	4	6
11.	Pejabat Projek Zon Tengah (PPZT)	-	11	11
12.	Pejabat Projek Zon Selatan (PPZS)	-	9	9
13.	Pejabat Projek Zon Utara (PPZU)	-	9	9
14.	Pejabat Projek Zon Timur (PPZR)	-	11	11
15.	Unit Penyelarasan Projek (UPP)	-	7	7
16.	Unit Khas NKRA Bandar Selamat	1	6	7
17.	Unit Audit Dalam	-	4	4
18.	JPBD Negeri Selangor	-	11	11
19.	JPBD Negeri Johor	-	11	11
20.	JPBD Negeri Perak	-	12	12
21.	JPBD Negeri Pahang	-	11	11
22.	JPBD Negeri Pulau Pinang	-	12	12
23.	JPBD Negeri Terengganu	-	11	11
24.	JPBD Negeri Melaka	-	11	11
25.	JPBD Negeri Kedah	-	11	11
26.	JPBD Negeri Sembilan	-	11	11
27.	JPBD Negeri Kelantan	-	12	12
28.	JPBD Negeri Perlis	-	11	11

Sumber: Bahagian Korporat, 2012

PENCAPAIAN KPI

Menteri

DIMENSI
PRESTASI

PETUNJUK PRESTASI UTAMA

SASARAN
2012Kecekapan dan
Keberkesanan
Penyampaian
Perkhidmatan Awam

Pewartaan Rancangan Tempatan

Mewartakan Rancangan Tempatan
menjelang Disember 201210 RT
diwartakan*Sumber: Bahagian Korporat, 2012*

PENCAPAIAN SEBENAR	STATUS	PENJELASAN/ CATATAN/ KAVEAT (JIKA ADA)	RUJUKAN/ DOKUMEN SOKONGAN
10 RT telah diwartakan	Menepati sasaran	Senarai RT yang telah diwartakan; 1. RT Ipoh 2020 2. RT Jajahan Jeli 3. RT Jajahan Kuala Krai 4. RT Jajahan Machang 5. RT Jajahan Pasir Puteh 6. RT Jajahan Tanah Merah 7. RT Daerah Lipis 8. RT Daerah Kuala Kangsar 9. RT Daerah Hilir Perak 10. RT Daerah Kerian	

**Ketua
Setiausaha**

DIMENSI PRESTASI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2012
Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam	KPI 4: Program Bandar Selamat Pelaksanaan 5 langkah segera Program Bandar Selamat oleh PBT akan disediakan bagi tahun 2012 untuk mengurangkan kadar jenayah yang dilaporkan iaitu: - • Pencahayaan • Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor • Cermin keselamatan • Tempat letak motosikal berkunci; dan • Papan tanda (contoh tanda peringatan jenayah, tanda arah balai polis atau talian kecemasan)	141 PBT
	KPI 6: Kajian Penyelidikan dan Garis Panduan Perancangan Baru Menyediakan Laporan Interim Garis Panduan Perancangan dan Reka Bentuk Bandar Padat Berdaya Huni	Laporan Draf Awal Garis Panduan dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan II

Sumber: Bahagian Korporat, 2012

PENCAPAIAN SEBENAR	STATUS	PENJELASAN/ CATATAN/ KAVEAT (JIKA ADA)	RUJUKAN/ DOKUMEN SOKONGAN
151 PBT	Sangat Menepati sasaran		Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Bandar Selamat
Laporan Draf Awal Garis Panduan telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan II pada 14 Disember 2012	Menepati sasaran	Kajian bermula pada 25 Julai 2012	Minit Mesyuarat Penyelarasan II bertarikh 14 Disember 2012

DIMENSI PRESTASI	PETUNJUK PRESTASI UTAMA	SASARAN 2012
Kecekapan dan Keberkesanan Penyampaian Perkhidmatan Awam	KPI 7: Liberalisasi Perkhidmatan Perancangan Bandar Sasaran yang ditetapkan ialah Draf Kertas Cadangan Pindaan Akta 538 dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Perancang Bandar Malaysia.	Draf Kertas Cadangan Pindaan Akta 538 dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Perancang Bandar Malaysia
	KPI 8: Pindaan dan Penggubalan Akta Pindaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] Mensasarkan pindaan ke atas Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] dan seterusnya dikemukakan untuk semakan Jabatan Peguam Negara	Draf Jadual Cadangan Pindaan Akta 172 dalam versi Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dikemukakan untuk semakan PUU KPKT

Sumber: Bahagian Korporat, 2012

PENCAPAIAN SEBENAR	STATUS	PENJELASAN/ CATATAN/ KAVEAT (JIKA ADA)	RUJUKAN/ DOKUMEN SOKONGAN
Draf Kertas Cadangan Pindaan Akta 538 dibentangkan di Mesyuarat Lembaga Perancang Bandar Malaysia pada 11 Disember 2012	Menepati sasaran		Surat panggilan mesyuarat
Draf RUU Perancangan Bandar dan Desa (pindaan) 2012 telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara	Melempi Sasaran	Draf RUU Perancangan Bandar dan desa (pindaan) 2012 telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara pada 22 November 2012.	Salinan Surat daripada Jabatan Peguam Negara

**Ketua
Pengarah**

SASARAN 2012		JUMLAH	STATUS	
CAPAI	TIDAK CAPAI			
Mencapai Sasaran Sepenuhnya				
		3/Y.	Peratus Kemajuan Projek Mengikut SPP II	
		4/Y(1).	Peratus Cadangan Permohonan Kebenaran Merancang Yang Dikategorikan Di Bawah Subseksyen 22(2A) Yang Dibawa Ke MPFN	
		4/Y(2).	Penyediaan Kertas Perakuan Mengikut Tempoh Yang Ditetapkan	
		5/Y.	Peratus Projek Yang Dibawa Ke Perundingan Di Bawah Seksyen 20A	
		7/Y.	Kemajuan Semakan Akta 172 Mengikut Jadual Yang Ditetapkan	
		9/Y(1).	Bilangan Kajian Penyelidikan / Teknik / Konsep Perancangan / Garis Panduan Perancangan Baru	
14	-	14	15/Y.	Peratus Pewartaan Rancangan Pemajuan 6 Bulan Selepas Kelulusan PBN
			16/Y.	Pelaksanaan Langkah Program Bandar Selamat
			17/Y.	Kertas Dasar Diangkat ke MPFN
			18/Y.	Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal MPFN
			21/Y.	Kekerapan Mesyuarat JPN
			26/Y.	Bilangan Perangkaan/ Buletin /Monograf Serta Pelaporan Lain Yang Disiarkan Bagi JPBD
			32/Y.	Pelan Tindakan Liberalisasi Perkhidmatan Perancangan Bandar
			35/Y(1).	Rekod Peribadi Dan Profil Perkhidmatan
			35/Y(2).	Pengemaskinian Pengisytiharan Harta
			35/Y(3).	Pengemaskinian Sasaran Kerja Tahunan (SKT)
			36/Y.	Tahap Kepuasan Pelanggan Mengikut Bahagian

Sumber: Bahagian Korporat, 2012

**Timbalan
Ketua
Pengarah
(Perancangan)**

SASARAN 2012		JUMLAH	STATUS
CAPAI	TIDAK CAPAI		
8	2	10	Mencapai Sasaran Sepenuhnya
			1/Y. Menjalankan Aktiviti Pemahaman dan Sebaran Rancangan Fizikal Negara Ke – 2 (RFN Ke-2)
			2/Y. Laporan Awal bagi Kajian Profil Bandar ke – 2.
			3/Y. Peratus Kemajuan Projek Mengikut SPP II
			6/Y. Bilangan Program Penyertaan Awam (Majlis Pelancaran, Taklimat, Majlis Perbincangan dan FGD)
			14/Y. Bilangan Penyediaan
			Laporan Pemantauan Rancangan Pemajuan
			16/Y. Pelaksanaan Langkah Program Bandar Selamat
			20/Y. Penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah
			36/Y. Tahap Kepuasan Pelanggan Mengikut Bahagian
			Tidak Mencapai Sasaran
			KPI 13/Y Menghasilkan Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan RFN
			KPI 23/Y Program Sebaran Am Bagi Kajian Rancangan Pemajuan

Sumber: Bahagian Korporat, 2012

**Timbalan
Ketua Pengarah
(Pembangunan)**

SASARAN 2012		JUMLAH	STATUS	
CAPAI	TIDAK CAPAI			
9	-	9	Mencapai Sasaran Sepenuhnya	
			7/Y.	Kemajuan Semakan Akta 172 Mengikut Jadual Yang Ditetapkan
			9/Y(1).	Bilangan Kajian Penyelidikan / Teknik / Konsep Perancangan / Garis Panduan Perancangan Baru
			10/Y.	Bilangan Kajian Semula / Manual
			12/Y(1).	Pengumpulan Data Bagi Melengkapkan Pangkalan Data Jabatan
			KPI 22/Y	Bilangan Hebahan/Sebaran Am Korporat (sisipan akhbar, buletin, laporan, terbitan lain)
			29/Y.	Perkongsian Maklumat
			30/Y.	Bilangan Usahasama/MOU Dengan IPT Dan Institusi Penyelidikan
31/Y.	Bilangan Bilangan Usahasama/ MOU Dengan Sektor Awam			
			36/Y.	Tahap Kepuasan Pelanggan Mengikut Bahagian

Sumber: Bahagian Korporat, 2012

PELAN STRATEGIK JPBD

Pelan Strategik JPBD 2012 – 2020 merupakan penambahbaikan kepada Rancangan Strategik JPBD 920 (RSJ 920) sebelum ini. Ia dirangka untuk memastikan Jabatan menjadi Peneraju Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa yang terunggul, relevan dan signifikan dalam pembangunan Negara.

Isu dan cabaran globalisasi beserta ekspektasi tinggi pihak berkepentingan dan pelanggan menjadi asas dalam memperkasakan fungsi dan peranan JPBD yang inovatif, kreatif dan holistik berpaksikan perundangan dan kawal selia perancangan di bawah peruntukan Akta 172.

Bagi tahun 2012, pencapaian Pelan Tindakan Pelan Strategik masih berpandukan kepada sembilan (9) strategi dan 41 pengukuran yang telah digariskan dalam RSJ 920 kerana Pelan Strategik JPBD 2012 – 2020 siap pada suku akhir tahun 2012.

Prestasi Pencapaian Teras Strategik dan Program RSJ 920

Objektif Kualiti Jabatan (Manual Kualiti) MS ISO 9001:2008 telah menetapkan pencapaian 80% sebagai sasaran pelaksanaan PTRSJ.

Teras Strategik

RSJ 920 telah menggariskan sembilan (9) teras strategik dan merupakan aspek-aspek yang perlu diberi tumpuan dan dipastikan kejayaan pencapaiannya untuk JPBD merealisasikan perancangan strategik. sembilan (9) Teras Strategik yang dikenal pasti adalah:

- Strategik 1 Pematuhan Kepada Perancangan
- Strategik 2 Produk Bertaraf Dunia
- Strategik 3 Kepuasan Pelanggan
- Strategik 4 Penyelidikan dan Pembangunan
- Strategik 5 Kerjasama Strategik
- Strategik 6 Pembangunan Teknologi Maklumat
- Strategik 7 Perancangan dan Pengurusan Guna Tanah Berkesan
- Strategik 8 Pembangunan Kompetensi
- Strategik 9 Pengurusan Kewangan

Pencapaian 20 program dijadikan asas bagi mengukur pencapaian teras strategik RSJ. Bagi tahun 2012, semua sembilan (9) teras strategik telah mencapai sasaran (seperti jadual di bawah) iaitu melebihi sasaran 80% seperti yang ditetapkan di dalam Objektif Kualiti Jabatan. Dari jumlah ini, indikator dan program bagi teras strategik 2, 5, 6 dan 8 menunjukkan pencapaian 100%.

Pencapaian Teras Strategik 2012

TERAS STRATEGIK	PENCAPAIAN
Teras 1 : Pematuhan Kepada Perancangan	99.34%
Teras 2 : Produk Bertaraf Dunia	100.00%
Teras 3 : Kepuasan Pelanggan	98.53%
Teras 4 : Perancangan dan Pengurusan Guna Tanah Berkesan	96.86%
Teras 5 : Penyelidikan dan Pembangunan	100.00%
Teras 6 : Kerjasama Strategik	100.00%
Teras 7 : Pembangunan Kompetensi	99.75%
Teras 8 : Pembangunan Teknologi Maklumat	100.00%
Teras 9 : Pengurusan Sumber Kewangan	97.86%
	99.15%

Sumber: Bahagian Korporat, 2012



Program PTRSJ 2012

Sebanyak 41 pengukuran telah digunakan untuk mengukur pencapaian 20 program PTRSJ. Pencapaian program PTRSJ dari Januari hingga Disember 2012 menunjukkan semua 20 program telah mencapai sasaran 80% seperti yang ditetapkan dalam Manual Kualiti (seperti Jadual di sebelah). Daripada jumlah ini, indikator bagi program 2, 4, 5, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16 dan 18 mencapai sasaran 100%.

Pencapaian Program PTRSJ 2012

	PROGRAM PTRSJ	PENCAPAIAN
Program 1 :	Meningkatkan Kesedaran dan Kefahaman Orang Awam	96.43%
Program 2 :	Mempromosikan Amalan Perancangan Terbaik	100.00%
Program 3 :	Penyediaan Rancangan Pembangunan dan Pemantapan Pelaksanaan Perancangan	87.50%
Program 4 :	Memperkukuhkan Peranan Pengarah Negeri	100.00%
Program 5 :	Membangunkan Pangkalan Data yang Komprehensif	100.00%
Program 6 :	Melaksanakan Pemantauan dan Pengauditan Secara Berkala	98.75%
Program 7 :	Program Perundingan Bersama Agensi Pelaksana dan Pihak yang Berkaitan	100.00%
Program 8 :	Mempertingkatkan Perancangan Bersama Awam dalam Proses Penyediaan Pelan	100.00%
Program 9 :	Eksplorasi dan Pendedahan kepada Pendekatan dan Teknik-Teknik Perancangan Baru	100.00%
Program 10 :	Mempertingkatkan Penyampaian Melalui Teknologi Maklumat	100.00%
Program 11 :	Memperkukuhkan Fungsi Lembaga Rayuan	100.00%
Program 12 :	Menyemak dan Menambahbaik Akta 172 Secara Berterusan	100.00%
Program 13 :	Menyediakan Garis Panduan Perancangan/Kajian Penyelidikan/Manual yang Baru	100.00%
Program 14 :	Kajian Semula Garis Panduan Perancangan/Manual	100.00%
Program 15 :	Pemantapan Organisasi JPBD	100.00%
Program 16 :	Kerjasama dengan Agensi-Agensi Peringkat Antarabangsa dan Negara-Negara Luar	100.00%
Program 17 :	Penyediaan, Pelaksanaan dan Kaji Semula Pelan Induk Sumber Manusia	99.25%
Program 18 :	Pelaksanaan Pengurusan Kualiti Menyeluruh	100.00%
Program 19 :	Pengurusan Sumber Kewangan	97.86%
Program 20 :	Memberikan Perkhidmatan Perancangan yang Berkesan	99.55%

Sumber: Bahagian Korporat, 2012

Penilaian Sistem Penarafan Bintang (SSR)

Penilaian Sistem Penarafan Bintang (SSR) yang dijalankan oleh pihak MAMPU melibatkan 22 Agensi barisan hadapan termasuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia.

Pada tahun 2012 pelaksanaan SSR telah dibuat secara dalaman bagi penilaian Penarafan Bintang tahun 2011 oleh Bahagian Korporat. Markah dan prestasi yang dilaporkan bertujuan memberi senario status prestasi semasa berdasarkan kriteria SSR 2011. Penilaian ini juga berjaya mengenalpasti kriteria yang memerlukan penambahbaikan atau mempunyai peluang untuk penambahbaikan ke arah kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan perancangan bandar dan desa ke tahap yang lebih tinggi.

Jabatan telah memperolehi empat (4) bintang dengan markah keseluruhan 89.85% berbanding dengan 88.50% pada tahun 2010.

Tarikh penilaian : Oktober – Disember 2012 secara dalaman bagi penilaian 2011 oleh Bahagian Korporat JPBD.

Markah penarafan bintang

90% - 100%	cemerlang ★★★★★
80% - 89.9%	baik ★★★★★
70% - 79.9%	memuaskan ★★★
60% - 69.9%	kurang memuaskan ★★
50% - 59.9%	tidak memuaskan ★
bawah 50%	tidak memuaskan (tiada bintang)

Hasil Penilaian

Prestasi Penarafan Bintang Ibu Pejabat 2012 :

KOMPONEN PENILAIAN	MARKAH (%) 2010	MARKAH (%) 2012	PRESTASI
Komponen A: Pengurusan	88.50	85.30	Baik
Komponen B: Perkhidmatan Teras	91.36	89.20	Baik
Komponen C: Pengurusan Pelanggan	87.34	94.31	cemerlang
Keseluruhan	88.50	89.85	Baik
PENARAFAN	4 BINTANG		4 BINTANG

Sumber: Bahagian Korporat, 2012


Prestasi Penarafan Bintang JPBD Negeri 2012 :

NEGERI	MARKAH	PRESTASI
Terengganu	87.01	★★★★★
Pulau Pinang	89.51	★★★★★
Pahang	90.28	★★★★★
Perak	89.35	★★★★★
Selangor	91.49	★★★★★
Kelantan	86.96	★★★★★
Negeri Sembilan	80.53	★★★★★
Melaka	80.89	★★★★★
Johor	82.30	★★★★★
Kedah	84.35	★★★★★
Perlis	82.91	★★★★★

Sumber: Bahagian Korporat, 2012



Pencapaian mengikut kriteria penilaian



Sumber: Bahagian Korporat, 2012

MS ISO 9001:2008

Jabatan telah mendapat pensijilan MS ISO 9001:2008 dengan skop pensijilan :

Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa bagi penyediaan kajian-kajian RFN, Rancangan Wilayah, RS, RT, kajian penyelidikan perancangan dan aktiviti di bawah peruntukan Akta 172 serta aktiviti-aktiviti berkaitan dengan perancangan bandar dan desa Semenanjung Malaysia.

Pelaksanaan aktiviti MS ISO di peringkat Jabatan adalah melalui :

- i. Audit Dalam oleh Pasukan Audit Dalam Jabatan terhadap aktiviti kualiti bagi menilai sejauh mana proses yang didokumenkan dilaksanakan menurut perancangan dan penilaian terhadap keberkesanan sistem pengurusan kualiti bagi tujuan penambahbaikan.
- ii. Mesyuarat Jawatankuasa Kajian Semula Pengurusan (JKSP) diadakan dua (2) kali setahun bertujuan mendapatkan maklum balas kecekapan dan keberkesanan sistem pengurusan kualiti serta merancang dan meluluskan tindakan pembetulan, pencegahan dan penambahbaikan berterusan.



Dato' Ir. Hj. Yahya Ahmad
Pengurus
SRIM CAS International Sdn. Bhd.

[illegible]



Inovasi

Dalam usaha meningkatkan budaya inovasi dalam perkhidmatan awam dan membudayakan inovasi di kalangan warga kerja, satu Pelan Tindakan Inovasi JPBD Semenanjung Malaysia telah dilancarkan. Pelan ini adalah selaras dengan Pelan Tindakan Inovasi KPKT yang telah dilancarkan pada 11 November 2011. Ianya mengandungi enam (6) strategi dan 20 langkah yang digubal untuk meningkatkan dan memperkasakan inovasi di peringkat Jabatan.

Antara program yang diadakan sepanjang tahun 2012 berdasarkan Pelan Tindakan Inovasi Jabatan 2012 adalah seperti di Jadual berikut :

BIL.	PERKARA	TARIKH
1.	Pelancaran Pelan Tindakan Inovasi Jabatan 2012 semasa Perhimpunan Awal Tahun JPBD di Dewan Tan Sri K.R. Soma Wisma Tun Sambathan, Jalan Sulaiman, 50646 Kuala Lumpur	19 Jan 2012
2.	Bengkel Pengukuhan Inovasi dan Kreativiti Jabatan di Teluk Dalam Resort, Pangkor	12-14 Feb 2012
3.	Minggu Kesedaran Inovasi (Ingin Mencabar Minda Anda)	27 Feb-2 Mac 2012
4.	Mesyuarat JK Pemandu KIK Bil. 1/2012 di Bilik Mesyuarat Tanjung	10 Apr 2012
5.	Kursus Fasilitator dan Teknik Persembahan Kumpulan Inovatif dan Kreatif di Institut Latihan FAMA Port Dickson	23-24 Mei 2012
6.	Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Inovasi Bil. 1/2012 di Bilik Mesyuarat Tanjung	29 Jun 2012
7.	Saringan Pertama Sambutan Hari Inovasi 2012 di Dewan Kristal KPKT	11 Julai 2012
8.	Saringan Kedua Sambutan Hari Inovasi 2012 di Dewan Kristal KPKT	28 Ogos 2012
9.	Sambutan Hari Inovasi 2012 di Auditorium Muzium Negara, Kuala Lumpur	18 Sep 2012
10.	Minggu Kesedaran Inovasi (Ingin Mencabar Minda Anda)	1-8 Okt 2012
11.	Mesyuarat JK Pemandu KIK Bil. 2/2012 di Bilik Mesyuarat Tanjung	2 Nov 2012
12.	Mesyuarat JK Pemandu Inovasi Bil. 2/2012 di Bilik Mesyuarat Tanjung	13 Dis 2012
13.	Mesyuarat JK Pemandu KIK Bil. 3/2012 di Bilik Mesyuarat Tanjung	17 Dis 2012

Sumber: Bahagian Korporat, 2012

PROGRAM PENGANTARABANGSAAN

LIBERALISASI SEKTOR PERKHIDMATAN PERANCANGAN BANDAR

Pada 14 November 2008, Jemaah Menteri telah bersetuju untuk meliberalisasikan sektor perkhidmatan profesional bermula pada tahun 2012. Ini bagi memenuhi komitmen Malaysia terhadap Perjanjian *Association of Southeast Asian Nations* (ASEAN) mengenai liberalisasi sektor perkhidmatan. Semasa membentangkan bajet mini di bawah Pakej Ransangan Ekonomi Kedua pada 10 Mac 2009, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa Kerajaan akan mengambil langkah-langkah dalam meliberalisasikan sektor perkhidmatan bagi menarik lebih banyak pelaburan, membawa masuk profesional dan teknologi serta memperkukuhkan daya saing sektor ini.

Perkhidmatan Perancangan Bandar dan Desa merupakan subsektor perkhidmatan yang telah dikenal pasti bagi tujuan liberalisasi. JPBD Semenanjung Malaysia terlibat secara langsung sebagai fasilitator dalam melaksanakan Inisiatif Makmal Liberalisasi Sektor Perkhidmatan Perancangan Bandar antara Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) dan Lembaga Perancang Bandar Malaysia (LPBM). JPBD Semenanjung Malaysia selaku *custodian* kepada perkhidmatan ini memainkan peranan penting bagi memikul tanggungjawab dalam menyelaras dan memberi perkhidmatan terbaik ke arah proses liberalisasi.

Lanjutan itu, sebanyak lapan (8) inisiatif telah dibentuk untuk memastikan liberalisasi Sektor Perkhidmatan Perancangan Bandar dapat dilaksanakan iaitu :

- Inisiatif 1 : *Review Amendment to Town Planners Acts 1995 (Act 538) and Develop Domestic Regulations;*
- Inisiatif 2 : *Develop Domestic Regulations;*
- Inisiatif 3 : *Management System Based on International Standards;*
- Inisiatif 4 : *Accreditation of Tertiary Education Programs For Urban Planning To Be Based On International Standards;*
- Inisiatif 5 : *Mutual Recognition Agreements (MRA) With Selected Countries To Enable Access To Foreign Markets;*
- Inisiatif 6 : *Promote Malaysian Town Planners and Showcase Malaysian Urban Planning;*
- Inisiatif 7 : *Market Intelligence System;*
- Inisiatif 8 : *Technical Cooperation Program.*

Liberalisasi adalah pembukaan pasaran yang memberi pilihan yang lebih luas bagi barangan atau perkhidmatan kepada pengguna yang menyumbang kepada kepuasan pengguna. Kemasukkan barangan atau pemberi perkhidmatan ke pasaran tempatan akan menyemarakkan persaingan daripada pelbagai aspek seperti kualiti, kos dan penggunaan teknologi yang lebih canggih. Persaingan akan berupaya meningkatkan kecekapan dan menggalakkan inovasi dan kreativiti di kalangan pemberi perkhidmatan di pasaran dan seterusnya akan meransang pertumbuhan ekonomi Negara.

Antara aktiviti utama yang telah dilaksanakan termasuklah:

BIL	KETERANGAN	TARIKH
1.	Mesyuarat Kemajuan Pasukan Petugas Liberalisasi Bil.1/2012 diadakan di Bilik Mesyuarat Tanjung.	20 Apr 2012
2.	Taklimat Pelaksanaan Akreditasi Firma mengikut Piawaian Antarabangsa di Hotel Palm Garden IOI Resort, Putrajaya	18 Jun 2012
3.	Mesyuarat Kemajuan Pasukan Petugas Liberalisasi Bil.2/2012 diadakan di Bilik Mesyuarat Tanjung	27 Ogos 2012
4.	<i>Focus Group Discussion</i> Mengenai <i>Urban Planning Education Towards Liberalization</i> di Dewan Graha, Kolej Anggerik, UiTM Shah Alam	19 Nov 2012
5.	Sesi Dialog <i>Urban Planning Education Towards Liberalization</i> di Auditorium Tan Sri K.R. Soma, Wisma Tun Sambathan, Kuala Lumpur.	14 Dis 2012

Sumber: Bahagian Korporat, 2012





PERKHIDMATAN
Teras



KEMAJUAN PROJEK 2012

RANCANGAN FIZIKAL NEGARA

Taklimat dan Sebaran Dasar Rancangan Fizikal Negara Ke-2

RFN Ke-2 telah diluluskan oleh Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) pada 13 Ogos 2010. Laporan RFN Ke-2 telah diedarkan kesemua kementerian dan agensi-agensi pelaksana berkaitan. Susulan daripada itu beberapa taklimat pemahaman dan sebaran dasar RFN Ke-2 telah dilaksanakan seperti berikut:

1. Kementerian Pertanian dan Asas Tani di Putrajaya. 21.2.2012
2. Kementerian Kerja Raya Kuala Lumpur. 14.3.2012
3. Institut Latihan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan, Bukit Tinggi Pahang. 21.3.2012
4. Majlis Bandaraya Ipoh, Ipoh. 23.3.2012
5. Kementerian Wilayah Persekutuan & Kesejahteraan Bandar, Putrajaya. 18.6.2012
6. *Workshop on Malaysia's REDD – Readiness Project.* 7.8.2012
7. Peserta Kursus Pengurusan Projek di INTAN. 5.10.2012
8. Mesyuarat Penyelarasan EIA di Jabatan Alam Sekitar. 1.11.2012
9. Forum Pengangkutan Awam di Petaling Jaya. 3.11.2012

Laporan Penilaian dan Pemantauan Pelaksanaan RFN Ke-2. (LPPP RFN Ke-2)

Laporan LPPP RFN Ke-2 (2012) ini telah disiapkan pada 6 Disember 2012 dan dijadualkan akan dibentangkan di mesyuarat utama pada awal tahun 2013. Laporan LPPP RFN Ke-2 ini disediakan untuk dibentang setiap tahun di peringkat Jabatan dan untuk dibentangkan di MPFN setiap dua (2) tahun sekali. Bagi memantapkan LPPP RFN Ke-2 beberapa sesi mesyuarat dan verifikasi mengikut zon telah diadakan seperti di bawah :

1. Mesyuarat Analisis Data Spatial 9.7.2012
Gunatanah RFN di Johor Bahru.
2. Mesyuarat Penjanaan Indikator RFN di 29.8.2012
Pulau Pinang.
3. Taklimat dan Bengkel LPPP RFN Ke- 2 24.10.2012
Bagi Zon Selatan di Johor Bahru.
4. Taklimat dan Bengkel LPPP RFN Ke- 2 21.11.2012
Bagi Zon Utara di Pulau Pinang.
5. Taklimat dan Bengkel LPPP RFN Ke- 2 28.11.2012
Bagi Zon Timur di Kota Bahru.
6. Taklimat dan Bengkel LPPP RFN Ke- 2 18.12.2012
Bagi Zon Tengah di Shah Alam.

Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara

Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara telah diluluskan oleh MPFN pada 20 Mac 2012. Laporan tersebut telah diedarkan kepada semua Kementerian dan Agensi-Agensi Pelaksana pada 5 Disember 2012. Susulan daripada itu beberapa taklimat pemahaman dan sebaran dasar RFZPPN telah dilaksanakan seperti berikut:

- | | | |
|------|--|-------------------------|
| i. | Taklimat pemahaman kepada negeri-negeri yang disediakan ISMP seperti Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan Pulau Pinang. | 7. 3. 2012
28.6.2012 |
| ii. | Taklimat pemahaman kepada Agensi-Agensi Zon Selatan dan Zon Tengah. (Sebahagian) | 24.10.2012 |
| iii. | Taklimat pemahaman di Zon Utara. | 21.11.2012 |
| iv. | Taklimat pemahaman di Zon Timur dan Zon Tengah. (Sebahagian) | 28.11.2012 |




DASAR PERBANDARAN NEGARA

Pemantauan Pelaksanaan Dasar Perbandaran Negara

Pemantauan Pelaksanaan DPN 2012 dijalankan untuk mengenalpasti kesesuaian dasar sama ada dilaksanakan secara efektif pada masa dan tempat yang sesuai. Ia merangkumi 201 langkah yang melibatkan semua agensi pelaksana (162 agensi) di Semenanjung Malaysia. Bagi tahun 2012, Kajiselidik Pemantauan Pelaksanaan DPN telah dijalankan bermula Mei sehingga November 2012.

Hasil kajiselidik, satu Laporan Pemantauan Pelaksanaan DPN 2012 telah disiapkan dan dibentangkan kepada agensi pelaksana pada 4 Disember 2012 dan juga dibentangkan kepada Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Jabatan (JPP) Bil. 4/2012 pada 18 Disember 2012.





KAJIAN PROFIL BANDAR KE-2

Kajian Profil Bandar Ke-2 ini merupakan kajian sambungan Kajian Profil Bandar Fasa 1 yang telah dijalankan pada tahun 2006-2009. Kajian ini dijalankan oleh perunding yang dilantik iaitu YD Planners Sdn. Bhd. selama 15 bulan bermula pada Jun 2012 dan dijangka berakhir pada September 2013.

Sehingga tahun ini, Laporan Awal KPB2, telah pun diluluskan oleh Jawatankuasa Teknikal pada 10 Ogos 2012. Siri Mesyuarat Verifikasi Maklumat dan Sempadan Bandar mengikut zon juga telah diadakan bersama-sama pihak JPBD Negeri, Pejabat Projek dan PBT bagi menentukan sempadan dan menyemak gunatanah setiap bandar. Manakala mesyuarat bagi meluluskan Laporan Kemajuan pula telah diadakan pada 27 Disember 2012.





RANCANGAN WILAYAH

Kajian Pelan Pengurusan Guna Tanah Bersepadu Koridor Sungai Muar-Linggi

Kajian Pelan Pengurusan Guna Tanah Bersepadu Koridor Sungai Muar-Linggi merupakan kajian berbentuk Rancangan Wilayah yang dijalankan secara *in-house* dengan input data dari perunding ANR Research Sdn. Bhd. untuk sektor Pengurusan Infrastruktur, Kemudahan Utiliti dan Alam Sekitar.

Kajian ini melibatkan lima (5) sektor utama iaitu Guna Tanah Wilayah, Penduduk, Hierarki dan Fungsi Bandar, Pengurusan Infrastruktur, Kemudahan Utiliti dan Alam Sekitar dan Pengurusan dan Pelaksanaan bagi tempoh sembilan (9) bulan iaitu dari Mac hingga Disember 2012.

Kajian ini disediakan bagi mengurus perancangan yang melibatkan persempadanan antara Negeri Sembilan, Melaka dan Johor yang mempunyai isu-isu strategik berkaitan dengan pembangunan merentasi sempadan yang memerlukan penyelarasan secara bersama. Kajian ini boleh dijadikan rujukan dan panduan pihak kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam menyelaraskan perancangan terutamanya pembangunan di kawasan sempadan dari aspek pembangunan fizikal, alam sekitar dan sosial.

**Kajian Pelan
Pengurusan Khusus
(Pemuliharaan) bagi
Kawasan Tanah
Tinggi Kinta-Cameron
Highlands-Lojing**

Kajian Pelan Pengurusan Khusus (Pemuliharaan) Tanah Tinggi Kinta-Cameron Highlands-Lojing disediakan bertujuan untuk menyelaraskan dan menterjemah dasar dan strategi guna tanah yang berkait rapat dengan elemen-elemen pemuliharaan alam sekitar dan guna tanah pertanian bagi kawasan pengurusan khusus yang terletak di antara tiga negeri yang bersempadan iaitu Perak, Pahang dan Kelantan.

Kajian ini juga merupakan kajian yang dijalankan secara *in-house* dengan input data daripada Perunding Peers Consult yang memberi fokus kepada dua (2) skop utama iaitu Alam Sekitar dan Pertanian serta Pengurusan dan Mekanisma Pelaksanaan. Tempoh kajian adalah selama sembilan (9) bulan iaitu dari Mac hingga Disember 2012.

Hasil utama kajian ini adalah pernyataan dasar dan strategi dari aspek pembangunan alam sekitar dan guna tanah pertanian dan disokong dengan pengezonan guna tanah utama dan langkah-langkah menangani isu-isu utama. Pengkhususan kajian ini kepada aspek pemuliharaan adalah usaha dalam melestarikan bekalan sumber alam yang telah diteroka menerusi usaha-usaha memelihara dan membaiki pulih sumber setelah digunakan, terutama sumber yang boleh diperbaharui seperti air dan hutan.

Kajian ini akan ditambahbaik dan dimantapkan lagi bagi tempoh Januari - Mei 2013 dan Jabatan akan memutuskan keperluan kajian ini dibentangkan dalam Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (JPP KPKT) atau Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) pada tahun 2013.



PERBINCANGAN

- Kajian Pelan Pengurusan Guna Tanah Bersepadu Koridor Sungai Muar-Linggi
- Kajian Pelan Pengurusan khusus (Pemuliharaan) bagi Kawasan Tanah Tinggi Kinta-Cameron Highlands-Lojing
- Kajian Rancangan Struktur dan Draf Rancangan Tempatan Labuan
- Penubuhan JK Perancang Wilayah bagi Kawasan Bersempadanan Antara Negeri Sembilan, Melaka dan Johor



Kajian Rancangan Struktur dan Draf Rancangan Tempatan Labuan

Kajian Rancangan Struktur Labuan 2030 dan Rancangan Tempatan Labuan 2030 telah dijalankan dengan kerjasama di antara Bahagian Perancangan Wilayah, JPBD Semenanjung Malaysia dan Perbadanan Labuan. Kajian ini telah bermula pada tahun 2010 dan telah dimuktamadkan. Keperluan penyediaan RS Labuan dan RT Labuan adalah selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 8 dan seksyen 12, Akta 172 yang telah dipanjangkan pemakaiannya ke Wilayah Persekutuan Labuan berkuatkuasa 1 Januari 2012.

Pada 30 Disember 2011- 27 Januari 2012, publisiti RS dan RT Labuan telah diadakan. Sebanyak 27 bantahan telah diterima untuk RT dan bantahan tersebut telah diambilkira di dalam memuktamadkan Draf Rancangan Tempatan Labuan 2030. Laporan Bantahan dan Siasatan Awam telah disediakan dan akan dibentangkan di Jawatankuasa Bantahan dan Siasatan Awam setelah Jawatankuasa Perancang Eksekutif Wilayah Persekutuan Labuan ditubuhkan.

Perbadanan Labuan pada masa kini adalah di dalam proses menubuhkan Jawatankuasa Perancang Eksekutif Wilayah Persekutuan Labuan dan seterusnya mewarta dan melaksanakan dasar-dasar strategik yang telah digariskan dalam Rancangan Pembangunan tersebut.

**Penubuhan JK
Perancang Wilayah
bagi Kawasan
Bersempadanan
Antara Negeri
Sembilan, Melaka
dan Johor**

Penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah (JPW) bagi Kawasan Bersempadanan Antara Negeri Sembilan, Melaka dan Johor adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 6A, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172). Melalui penubuhan JPW ini juga, seksyen 6A dapat dilaksanakan sejak Akta 172 dipinda pada tahun 2003.

Kertas penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah Bagi Kawasan Bersempadanan Antara Negeri Sembilan, Melaka dan Johor telah diluluskan dalam Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) pada 27 Julai 2012 di mana persetujuan ketiga-tiga Pihak Berkuasa Negeri telah diperolehi melalui mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Beberapa siri rundingan telah dijalankan bagi memastikan penubuhan JPW ini mendapat persetujuan negeri-negeri yang terlibat.

Kawasan liputan JPW bagi Kawasan Bersempadanan antara Negeri Sembilan, Melaka dan Johor ini meliputi kawasan Lembangan Sungai Muar, Lembangan Sungai Melaka dan Lembangan Sungai Linggi iaitu keseluruhan Negeri Melaka, Daerah Jempol, Rembau, Kuala Pilah, Tampin dan Port Dickson dalam Negeri Sembilan dan Daerah Ledang, Muar dan Segamat dalam Negeri Johor.

RANCANGAN STRUKTUR

Rancangan Struktur (RS) yang disediakan di peringkat negeri adalah merupakan suatu pernyataan bertulis yang merumuskan dasar dan cadangan-cadangan am Pihak Berkuasa Negeri (PBN) berkenaan dengan pemajuan dan penggunaan tanah dalam negeri tersebut bagi tempoh jangka panjang.

Secara amnya, sejumlah 12 RS telah disediakan bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia. Kesemua RS tersebut telah disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia kecuali Pelan Struktur Kuala Lumpur 2020 yang telah disediakan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Sehingga Disember 2012, semua RS telah diwartakan.



Status Kemajuan 2012

RANCANGAN STRUKTUR NEGERI	PERINGKAT KEMAJUAN
Perlis	Warta No. 129 Jil. 55 No. 25 pd. 06/12/2012
Kedah	Warta No. 68 pd. 03/02/2011.
Pulau Pinang	Warta No. 286 (Jil. 51 No. 13 Tambahan No. 1) pd. 28/06/2007.
Perak	Warta No. 495 (Jil. 61 Bil. 8) pd. 10/04/2008.
Selangor	Warta No. 1541 (Jil. 60 No. 12 Tambahan No. 3) pd. 14/6/2007.
Negeri Sembilan	Warta (No. 668) pd. 16/8/2007.
WP. Kuala Lumpur	Warta (PSKL 2020) PUB 423 pd. 04/11/2004.
Melaka	Warta No. 705 (Jil. 49 No. 21) pd. 13/10/2006.
Johor	Warta (J.P.U. 20, Jld. 54 No. 13) pd. 24/06/2010.
Pahang	Warta (Jil.60 No. 1281) pd. 22/11/2007.
Terengganu	Warta (No. 51 Jil. 60 No. 3) pd. 01/02/2007.
Kelantan	Warta (No. 1 Jil. 62) pd. 01/01/2009.

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2012







Rancangan Tempatan 2012

RANCANGAN TEMPATAN

Rancangan Tempatan (RT) yang disediakan di peringkat daerah mengandungi peta-peta cadangan dan pernyataan bertulis yang disokong oleh garis panduan pelaksanaan. RT ini merumuskan secara terperinci mengenai cadangan-cadangan bagi memaju dan mengguna tanah serta melindungi dan memperelok alam sekitar. Ia merupakan satu dokumen rasmi yang mentafsirkan dasar-dasar dan cadangan-cadangan umum yang terkandung di dalam RS kepada bentuk fizikal yang lebih terperinci dan praktikal.

Sehingga Disember 2012, sejumlah 91 RT telah disediakan bagi seluruh Semenanjung Malaysia. Bagi tahun 2012 di bawah *Rolling Plan* ke-2, sejumlah sepuluh (10) projek rancangan tempatan telah disediakan dan telah siap sepenuhnya iaitu :

- i. RT Daerah Bandar Bharu
- ii. RT Jajahan Machang
- iii. RT Jajahan Pasir Putih
- iv. RT Jajahan Tanah Merah
- v. RT Jajahan Kuala Krai
- vi. RT Jajahan Jeli
- vii. RT Daerah Lipis
- viii. RT Daerah Kerian
- ix. RT Daerah Kuala Kangsar
- x. RT Daerah Hilir Perak

Dari segi pewartaan, sejumlah 83 RT (91%) telah diwartakan. Manakala lapan (8) RT (9%) telah siap tetapi masih belum diwartakan iaitu:

- i. RT MP Kangar
- ii. RT Daerah Bandar Baharu
- iii. RT MP Pulau Pinang
- iv. RT Daerah Seberang Perai Utara
- v. RT Daerah Seberang Perai Tengah
- vi. RT Daerah Seberang Perai Selatan
- vii. RT Daerah Kota Tinggi
- viii. RT Kuala Lumpur

Status Kemajuan 2012

NEGERI	BIL. RT	SIAP RT	WARTA
Perlis	1	1	-
Kedah	11	1	10
Pulau Pinang	4	4	-
Perak	15	-	15
Selangor	13	-	13
Wilayah Persekutuan	1	1	-
Negeri Sembilan	7	-	7
Melaka	3	-	3
Johor	8	1	7
Pahang	11	-	11
Kelantan	10	-	10
Terengganu	7	-	7
JUMLAH	91	8	83

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2012



RANCANGAN KAWASAN KHAS

Rancangan Kawasan Khas (RKK) merupakan satu rancangan pemajuan yang mengandungi cadangan-cadangan tindakan yang khusus sama ada cadangan pemajuan, pemulihan, pemeliharaan ataupun cadangan pelan pengurusan untuk tujuan pelaksanaan segera bagi suatu kawasan yang telah dikenal pasti oleh Pengarah JPBD Negeri atau Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT).

Sehingga Disember 2012, sejumlah 26 RKK telah disediakan bagi semua daerah di Semenanjung Malaysia. Daripada jumlah ini, 15 RKK telah diwartakan dan tujuh (7) RKK telah siap untuk pewartaan.

Status Kemajuan RKK 2012

STATUS	BIL.
RKK Siap Warta	15
RKK Belum Warta	11
JUMLAH	26

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2012









LAPORAN PENILAIAN PROGRAM





Pada tahun 2012, Jabatan telah membentangkan tiga (3) laporan penilaian program di peringkat Jabatan dan juga peringkat Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu Laporan Penilaian *Outcome* Garis Panduan Perancangan *Gated Community and Guarded Neighbourhood*, Laporan Kajian Impak Langkah Program Bandar Selamat dan Laporan Penilaian *Outcome* Rancangan Struktur Negeri Sembilan.

Ketiga-tiga laporan ini telah dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian *Outcome* Jabatan pada 15 Ogos 2012 dan juga telah dibentangkan di peringkat KPKT pada 12-14 Disember 2012.



PUBLISITI DAN HEBAHAN

Program Publisiti dan Penyertaan Awam 2012

Bagi tahun 2012, hanya dua (2) draf RT dan tujuh (7) draf RKK telah diberi publisiti mengikut peruntukan subseksyen 13(1), Akta 172 yang bertujuan untuk diperiksa dan diberi maklum balas oleh orang awam.

Senarai program publisiti dan penyertaan awam bagi tahun 2011 adalah seperti di Jadual berikut:

Zon Tengah

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
i.	Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Kerian 2020, RTD Kuala Kangsar dan RTD Hilir Perak	12 Jan 2012	Hotel Impiana, Ipoh, Perak
ii.	Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian Sg. Choh 2020 Program Publisiti Awal dan <i>Focus Group Discussion</i> (FGD) Rancangan Kawasan Khas (RKK) Perindustrian Sg. Choh	27 Feb 2012	Kelab Golf, Bukit Beruntung Hulu Selangor
iii.	Rancangan Kawasan Khas Kampung Sungai Ramal Dalam Kajang 2020 Publisiti Awal dan <i>Focus Group Discussion</i> (FGD) RKK Kampung Sungai Ramal Dalam Kajang 2020	18 Sep 2012	Majlis Perbandaran Kajang
iv.	Rancangan Kawasan Khas Pekan Ipoh Publisiti Awal dan <i>Focus Group Discussion</i> (FGD) RKK Pekan Ipoh	27 Nov 2012	Dewan Bandaraya Ipoh
v.	Rancangan Kawasan Khas Sungai Choh 2020 (2012) Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf Rancangan Kawasan Khas Kawasan Perindustrian Sungai Choh 2020 pada 20 Disember 2012 hingga 20 Januari 2013	20 Dis 2012	Majlis Daerah Hulu Selangor

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2012





Zon Timur

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
i.	Program Publisiti Awal RKK Bandar Tok Bali	6 Feb 2012	Dewan Penggawa Mukim Cherang Ruku
ii.	Majlis Perasmian Publisiti dan Penyertaan Awam Draf RKK Bandar Tok Bali	17 Jul 2012	Tok Aman Bali Beach Resort, Pasir Puteh
iii.	Program Publisiti Awal RKK Pengkalan Kubor	24 Okt 2012	Dewan Bunga Raya Sri Tujuh Beach Resort
iv.	Program Publisiti Awal RKK Pusat Bandar Kuala Terengganu	25 Nov 2012	Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Terengganu
v.	Majlis Perasmian Publisiti dan Penyertaan Awam Draf RKK Kuala Tahan	20 Dis 2012	Dewan Sri Janing, Rainforest Resort, Kuala Tahan

Zon Utara

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
i.	Majlis Perasmian Program Publisiti dan Penyertaan Awam RTD Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	15 Mac 2012	Auditorium MPSP, Bandar Baru Perda, Bukit Mertajam

Zon Selatan

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
i.	Program Publisiti Awal RT Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	1 Mac 2012	World Youth Hotel
ii.	Program Publisiti dan Penyertaan Awam Draf RT Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	5 Nov- 4 Dis 2012	PTD Alor Gajah, PTD Jasin, Wisma Negeri dan Hang Tuah Mall

Sumber: Unit Penyelarasan Projek, 2012

KAJIAN PROSEDUR PERANCANGAN DAN SEBARAN

STATUS

GARIS PANDUAN PERANCANGAN

Semenjak tahun 1997, sebanyak 41 garis panduan perancangan (GPP) telah disediakan oleh JPBD. Semakan semula garis panduan dilakukan bermula 2008 bagi mengemaskini garis panduan dengan keperluan-keperluan baru seperti dasar/polisi baru, isu semasa, piawaian agensi yang terkini dan sebagainya.

Ini adalah penting bagi memastikan suatu pembangunan dapat disediakan secara teratur, terkawal dan terancang dalam memastikan kepentingan semua pihak terpelihara. Cadangan-cadangan yang dikemukakan akan dapat menyokong pembangunan yang dicadangkan serta dapat memandu dan mendisiplinkan semua pihak yang terlibat dalam bidang tersebut.

GPP (Semakan Semula)

Sebanyak 41 garis panduan yang telah dikaji semula digabungkan menjadi 17 garis panduan sahaja. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 12 GPP (kaji semula) telah dibentang di mesyuarat JPP KPKT iaitu :

1. GPP Masjid dan Surau
2. GPP Tokong, Kuil, Gereja dan Gurdwara
3. GPP Taman Tema
4. GPP Taman Atas Bumbung
5. GPP Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*)
6. GPP Pembangunan Pulau-Pulau dan Taman Laut
7. GPP Laluan Kemudahan Utiliti
8. GPP Kemudahan Masyarakat
9. GPP Tanah Perkuburan dan Krematorium
10. GPP Perumahan
11. GPP Perdagangan
12. GPP Tempat Letak Kereta

Terdapat lima (5) lagi GPP yang belum dibentang di mesyuarat JPP KPKT iaitu :

1. GPP Perindustrian
2. GPP Tanah Lapang dan Rekreasi
3. GPP Pemeliharaan dan Pembangunan Kawasan Sensitif Alam Sekitar
4. GPP Tapak Utiliti dan Infrastruktur
5. GPP Padang Golf





GP Perancangan Baharu

Sehingga Disember 2012, sebanyak 11 garis panduan baharu telah disediakan. Daripada jumlah tersebut, tujuh (7) GP Baharu telah dibentang di mesyuarat JPP KPKT iaitu :

1. GPP Papan Iklan luar
2. GPP *Gated Community* dan *Guarded Neighbourhood*
3. GPP Pengenalpastian dan Pembangunan Semula Kawasan *Brownfield*
4. GPP Penubuhan TADIKAs dan TASKAs
5. GPP Terminal Kenderaan Berat
6. GPP Kejiranan Hijau
7. GPP Lorong Belakang

Selain itu, enam (6) GP baharu juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri dan Mesyuarat Negara bagi Kerajaan Tempatan (MNKT) dan juga Mesyuarat MPFN. Hanya GP Lorong Belakang sahaja masih belum dibentangkan di mesyuarat-mesyuarat tersebut.

Manakala selebihnya iaitu empat (4) GP baharu masih lagi dalam pelbagai peringkat iaitu :

1. GPP Reka Bentuk Bandar Padat dan Berdayahuni
2. GPP Chalet Atas Air (*Floating Chalet*)
3. GPP *Ubiquitous City (U-City)*
4. GPP Untuk Warga Emas

**STATUS
PANDUAN PELAKSANAAN
AKTA 172**

Pada tahun 2012, Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan telah menyediakan dua panduan pelaksanaan Akta 172 iaitu Panduan Pelaksanaan Akta (PPA) 172: Lembaga Rayuan dan PPA 172: Kawasan Pemajuan.

Bagi tujuan menyelaraskan proses dan prosedur seterusnya memudahcara pelaksanaan Lembaga Rayuan di semua negeri, PPA 172 : Lembaga Rayuan ini disediakan sebagai rujukan oleh Pengerusi, Timbalan Pengerusi, Ahli, Pendaftar dan Urus setia Lembaga Rayuan di dalam mentadbir pengurusan Lembaga Rayuan mengikut Bahagian VI Akta 172.

Selain itu, PPA ini boleh dijadikan rujukan oleh perayu (orang yang terkilan), responden (PBPT), ejen atau wakil bagi pihak perayu dan responden atau pencelah.

Bagi mengatasi masalah pembangunan persendirian yang tidak terancang di suatu kawasan khas, PPA kedua iaitu PPA 172: Kawasan Pemajuan disediakan sebagai panduan utama bagi PBPT untuk mengisytiharkan dan memajukan kawasan pemajuan di bawah Bahagian VIII, Akta 172.

**PPA 172:
Lembaga
Rayuan**

TARIKH	STATUS
10 Julai 2012	Draf PPA 172: Lembaga Rayuan telah dibentangkan di Mesyuarat Pendaftar LR Kali Ke IV Tahun 2012. Mesyuarat telah bersetuju supaya draf ini dimantapkan.
23-24 Okt 2012	Bengkel Draf PPA 172: Lembaga Rayuan untuk mendapatkan maklum balas peserta.
10 Julai 2012	Draf PPA 172: Lembaga Rayuan telah dibentangkan sekali lagi di Mesyuarat Pendaftar LR Kali Ke IV Tahun 2012.
18 Dis 2012	Draf PPA ini telah dibentang dan diluluskan dengan pindaan di Mesyuarat JPP JPBD Bil. 4/2012.

**PPA 172:
Kawasan
Pemajuan**

TARIKH	STATUS
Sepanjang tahun 2012	Penyediaan PPA 172: Kawasan Pemajuan secara dalaman oleh Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan.
18 Dis 2012	Draf PPA 172: Kawasan Pemajuan telah dibentang dan diluluskan dengan pindaan di Mesyuarat JPP JPBD Bil. 4/2012.

Sumber: Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan, 2012

**PINDAAN AKTA PERANCANG
BANDAR 1995 (AKTA 538)**

Pindaan ini adalah sebagai suatu langkah bagi menyokong komitmen negara terhadap proses liberalisasi perkhidmatan perancangan bandar.

Bagi memperkukuhkan lagi liberalisasi sektor perkhidmatan perancangan bandar, Makmal *International Standardization and Liberalisation of Services* telah diadakan pada 1 Februari hingga 1 April 2011 oleh PEMANDU.

Sehubungan itu, pasukan petugas khas di peringkat JPBD Semenanjung Malaysia telah ditubuhkan dan pasukan kerja yang bertanggungjawab bagi menyelaraskan pindaan Akta 538 adalah terletak di bawah salah satu inisiatif liberalisasi iaitu Inisiatif 1: *Review Amendments To Town Planners Acts [Act 538] and Develop Domestic Regulations*.

Pindaan ini mengambil kira keperluan liberalisasi perkhidmatan perancangan bandar selaras dengan hasrat Makmal *International Standardization and Liberalisation of Services*.

Selain itu, ianya juga mengambil kira pindaan Akta 172 pada tahun 2001 [Akta A1129], dan Draf Kaedah-Kaedah Perancang Bandar (Pendaftaran dan Tatakelakuan) serta Draf Kaedah-Kaedah Perancang Bandar (Skala Minima Fi) yang telah diluluskan oleh LPBM pada tahun 2009 dan juga sebagai langkah menambah baik Akta 538 secara berterusan selaras dengan perkembangan profesion dan aktiviti perancangan bandar dan desa.

Skop Pindaan

Merangkumi kesemua lapan (8) Bahagian dan 52 seksyen dalam akta sedia ada, dengan penekanan khusus kepada sembilan (9) Bahagian/seksyen berikut:


BIL.	PERUNTUKAN	PERKARA
1.	Seksyen 2	Tafsiran
2.	Seksyen 8	Fungsi dan Kuasa Lembaga
3.	Seksyen 11	Daftar
4.	Seksyen 12	Perlantikan dan Tugas Pendaftar
5.	Seksyen 13	Hak
6.	Seksyen 15	Kelayakan Bagi Pendaftaran
7.	Seksyen 18	Pendaftaran Perancang Bandar Profesional Asing
8.	Bahagian IV	Amalan Perancang Bandar Oleh Pertubuhan Perbadanan
9.	Bahagian V	Celaan, Penggantungan, Pembatalan, Penyingkiran dan Kemasukan Semula

Sumber: Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan, 2012

PROSES PINDAAN AKTA 538



... sambungan



Sumber: Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan, 2012

Objektif Pindaan

- i. Mengawal selia proses liberalisasi perkhidmatan perancangan bandar sepertimana aspirasi Kerajaan, selaras dengan semangat perdagangan bebas, tanpa menjejaskan hak dan peluang Perancang Bandar Profesional tempatan;
- ii. Menetapkan secara terperinci skop 'perkhidmatan perundingan perancangan bandar' merangkumi aktiviti teras di bawah Akta 172, yang sedia ada diamalkan;
- iii. Memperkasa dan memperluas fungsi LPBM termasuk untuk mengawal selia 'Amalan Perundingan Perancangan Bandar' dalam pelbagai bentuk amalan dan membuat perkiraan pengiktirafan bersama di peringkat antarabangsa; dan
- iv. Menambahbaik penyampaian perkhidmatan LPBM selaras dengan perkembangan teknologi semasa dan keperluan peningkatan kompetensi.



UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 538

AKTA PERANCANG BANDAR 1995

Sebagaimana pada 1 Disember 2011



MESYUARAT PENGARAH NEGERI JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA

Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah ditubuhkan di semua 11 negeri di Semenanjung Malaysia. Bagi mewujudkan satu forum kepada semua Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri untuk membincangkan isu dan cabaran pelaksanaan perundangan perancangan di negeri masing-masing, Mesyuarat Pengarah Negeri telah dilaksanakan sebanyak empat (4) kali setahun. Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan adalah bertanggungjawab untuk mengurussetiakan mesyuarat ini.

Bagi tahun 2012, sebanyak empat (4) kali Mesyuarat Pengarah Negeri Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah diadakan seperti berikut :

1. Mesyuarat Pengarah Negeri Bil. 1 Tahun 2012 pada 9 April 2012 di Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBD Ibu Pejabat.
2. Mesyuarat Pengarah Negeri Bil. 2 Tahun 2012 pada 19 Jun 2012 di Hotel Zenith, Kuantan, Pahang.
3. Mesyuarat Pengarah Negeri Bil. 3 Tahun 2012 pada 7 Ogos 2013 di Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBD Ibu Pejabat.
4. Mesyuarat Pengarah Negeri Bil. 4 Tahun 2012 pada 19 November 2012 di Hotel Le Meridien, Kota Kinabalu, Sabah.

Sepanjang tahun 2012, kertas yang telah dibentangkan dan perkara yang dibincangkan adalah merangkumi perkara berikut:

1. Draf Kajian Keberkesanan Pusat Setempat (OSC) di Pihak Berkuasa Tempatan
2. Pelaksanaan PSP dalam Kebenaran Merancang – Pengalaman Negeri Kelantan
3. Garis Panduan Konsep *Smart Growth* Negeri Perak
4. Penunjuk Bandar Mampan Malaysia (MURNInet) Versi Baru
5. Cadangan Tatacara Pelaksanaan Jawatankuasa Perancang Wilayah bagi Kawasan Persempadanan antara Negeri Sembilan, Melaka dan Johor
6. Kandungan MOU di antara Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia mengenai Pelan Induk Pengangkutan Awam
7. Penerimaan Kaedah-Kaedah di Peringkat Negeri
8. e-Desa Negeri Perak
9. Cadangan Pindaan Akta 172 (Tambahan)
10. Status Rancangan Tempatan Petaling Jaya 2 (RTPJ2) Berhubung Dengan Padang PKNS, Kelana Jaya
11. Pelaksanaan Caj Pemajuan di Negeri Selangor
12. Tatacara Pengubahan Rancangan Tempatan di Bawah Seksyen 16, Akta 172 Negeri Selangor
13. Isu Pembangunan Tanah Bukit di Negeri Pulau Pinang
14. Penambahbaikan Pelaporan Tanah Lapang Awam ke MPFN
15. Garis Panduan Burung Walit Negeri Perak
16. Rancangan Kawasan Khas (RKK) vs Rancangan Tempatan Mengikut Akta 172





MESYUARAT PENGARAH NEGERI 2012

PROGRAM SEBARAN DASAR PINDAAN AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172)

TUJUAN

Tujuan program sebaran ini adalah untuk memberi kefahaman, pengetahuan serta meningkatkan tahap kompetensi Pegawai Perancang Bandar terhadap Draf Cadangan Pindaan Akta 172 yang terkini. Cadangan Pindaan Akta 172 kali ini bertujuan untuk menambahbaik sistem perancangan bandar dan desa sedia ada, dari segi aktiviti perancangan, kuasa dan proses yang berkaitan, kandungan dokumen perancangan dan penambahbaikan secara berterusan terhadap teks autoritatif Akta 172 sedia ada.

OBJEKTIF

Menyebarkan maklumat dan memberi penerangan kepada pegawai-pegawai perancang bandar mengenai Draf Cadangan Pindaan Akta 172 di peringkat Persekutuan dan peringkat negeri serta PBT.

PELAKSANAAN

Bagi Tahun 2012, pelaksanaan Program Sebaran Draf Cadangan Pindaan Akta 172 ini akan dijalankan sebanyak dua (2) siri. Perincian program adalah seperti berikut :

1. Siri 1/2012 : Program berlangsung pada 25 September 2012 bertempat di Hotel De Palma Ampang, Selangor. Program dihadiri seramai 57 orang peserta dari agensi teknikal, JPBD Negeri dan PBT.
2. Siri 2/2012 : Program berlangsung pada 22 Oktober 2012 di Hotel Bayview, Pulau Pinang. Program melibatkan peserta dari agensi teknikal, JPBD negeri dan PBT.

PEMBENTANGAN KERTAS KERJA

Pembentangan kertas kerja bagi Program Sebaran Draf Cadangan Pindaan Akta 172 ini terbahagi kepada tiga (3) sesi iaitu :

Sesi pertama : Bahagian IV : Kawalan Perancangan
Sesi kedua : Bahagian III : Rancangan Pemajuan
Sesi ketiga : Bahagian II : Dasar Dan Pentadbiran & Bahagian Lain

Pembentangan bagi ketiga-tiga sesi ini disampaikan oleh Puan Sanisah binti Shafie, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Perundangan dan Kawal Selia Perancangan.





PROGRAM SEBARAN DASAR PINDAAN AKTA 172

RINGKASAN KERTAS KERJA

Bahagian IV : Kawalan Perancangan

Pembentangan Bahagian IV adalah melibatkan peruntukan yang ditambah, dipinda dan dikekalkan dalam Jadual pindaan Akta 172. Peruntukan cadangan pindaan Akta 172 bagi Bahagian IV adalah seperti berikut:

- i. Seksyen 19;
- ii. Subseksyen 20A(1)-(3);
- iii. Subseksyen 21(1);
- iv. Subseksyen 21(3A);
- v. Subseksyen 21(4);
- vi. Subseksyen 21(6A);
- vii. Perenggan 21(7)(d);
- viii. Seksyen 21A;
- ix. Seksyen 21B;
- x. Seksyen 21C;
- xi. Seksyen 22;
- xii. Seksyen 23;
- xiii. Seksyen 24;
- xiv. Seksyen 27; dan
- xv. Subseksyen 31(3);

Pembentangan dalam Bahagian IV ini juga menjelaskan berkenaan tafsiran “pemajuan”, “kebenaran merancang”, “perubahan material penggunaan tanah dan bangunan di bawah subseksyen 2(1) hingga (3) Akta 172. Pembentangan ini turut menjelaskan berhubung dengan penguatkuasaan kesalahan perancangan yang meliputi tiga (3) senario seperti berikut:

- i. Senario 1 : Kesalahan Berat
- ii. Senario 2 : Kesalahan Sederhana Berat
- iii. Senario 3 : Kesalahan Ringan

Bahagian III : Rancangan Pemajuan

Pembentangan Bahagian III : Rancangan Pemajuan adalah melibatkan peruntukan yang ditambah, dipinda, dan dikekalkan dalam Jadual pindaan Akta 172. Peruntukan cadangan pindaan akta 172 dalam Bahagian III ini adalah seperti berikut:

- i. Subseksyen 7(4A) dan (4B);
- ii. Seksyen 8;
- iii. Seksyen 9;
- iv. Perenggan 12(3)(aa);
- v. Subseksyen 12(8);
- vi. Seksyen 13;
- vii. Seksyen 14;
- viii. Subseksyen 15(5) dan (6);
- ix. Seksyen 16; dan
- x. Subseksyen 16B(1).

Pembentangan dalam Bahagian III : Rancangan Pemajuan ini juga menjelaskan berkenaan perkara-perkara seperti berikut:

- i. Tafsiran “rancangan pemajuan”,
- ii. Hierarki dokumen perancangan,
- iii. Penjelasan berhubung setiap dokumen perancangan menurut Akta 172 yang melibatkan proses penyediaan RS dan RT, pengubahan RT dan proses pengubahan RT; dan
- iv. Fungsi RT dan RKK.

Bahagian II : Dasar dan Pentadbiran & Bahagian Lain

PROGRAM *EXPERT TALK*

'Making Malaysian Cities Compact and Liveable'

8 Mei 2012

Hotel Putra KL, Kuala Lumpur, Jalan Tun Razak, Kuala Lumpur

Memberi pendedahan kepada perancang bandar dan mereka yang terlibat dalam pembangunan bandar mengenai isu semasa dan perkembangan terkini mengenainya. Ini selari dengan program bandar padat yang dijalankan oleh BPP pada tahun ini.

Kesihatan Diri Fizikal dan Rohani

9 Mei 2012

Auditorium Tan Sri Dato' K.R. Soma, Wisma Tun Sambanthan, Kuala Lumpur.

Program ini diadakan untuk memupuk kesedaran tentang pentingnya penjagaan kesihatan diri sama ada dari segi fizikal mahu pun rohani. Program ini telah mendapat sambutan yang sangat menggalakkan, dan telah dihadiri seramai 253 orang peserta dari semua lapisan pegawai JPBD Semenanjung Malaysia, JPBD negeri, PBT dan agensi-agensi lain. *Expert Talk* telah dijayakan oleh dua (2) orang pakar/ selebriti terkenal iaitu Saudara Kevin Zahri dan Prof. Dr. Muhaya bt Muhammad.

Saudara Kevin Zahri selaku perunding kesihatan dan pemakanan telah memberikan tips-tips penjagaan kesihatan diri dari aspek fizikal manakala Prof. Dr. Muhaya yang merupakan pakar motivasi dan juga pakar mata telah memberikan penekanan mengenai aspek-aspek kesihatan rohani.





PROGRAM *TEACH IN*

Laman Gerbang *MURNInets*

Satu sesi *teach-in* Laman Gerbang MURNInets telah diadakan pada 9 hingga 10 Februari 2012 di Makmal Komputer BPP. Sesi *teach-in* ini telah diketuai oleh Encik Mohd Faizalnizam bin Md. Zain daripada BPP dengan kerjasama Seksyen Teknologi Maklumat yang diwakili oleh Puan Siti Fairuz binti Mar Ramli.

Seramai sepuluh (10) orang pegawai dan kakitangan BPP telah diberi pendedahan dan pengetahuan mengenai aplikasi gerbang MURNInets yang baru untuk dikendalikan sepenuhnya oleh petugas MURNInets semasa di peringkat pelaksanaannya kelak. Semasa sesi *teach-in* berkenaan, tiga (3) perkara utama telah dibincangkan iaitu:

- i. Aplikasi Gerbang MURNInets versi baru;
- ii. Penstrukturan semula proses analisis; dan
- iii. Kaedah kemasukan data dan penjanaan laporan kemampuan bandar.

Sepanjang tempoh April hingga Jun 2012, BPP telah mengadakan tiga (3) Program *Teach-In* Gerbang MURNInets seperti di Jadual berikut:

BIL.	PERKARA	TARIKH	TEMPAT	TUJUAN
1.	Program <i>Teach-In</i> Gerbang MURNInets bagi JPBD Negeri, PBT dan Agensi Pembekal Data Peringkat Zon Tengah dan Zon Selatan.	17-18 April 2012	Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur	Memberi pendedahan dan kefahaman kepada JPBD negeri dan PBT yang terlibat. Program ini dijalankan dengan memberi penerangan dan taklimat secara lebih terperinci serta latihan kaedah kemasukan data-data dan fungsi-fungsi yang dibuat penambahbaikan ke atas aplikasi Gerbang MURNInets.
2.	Program <i>Teach-In</i> Gerbang MURNInets bagi JPBD Negeri, PBT dan Agensi Pembekal Data Peringkat Zon Utara dan Zon Timur.	19-20 April 2012	Hotel Berjaya Times Square, Kuala Lumpur	
3.	Program <i>Teach-In</i> Gerbang MURNInets bagi JPBD Negeri, PBT dan Agensi Pembekal Data Peringkat Zon Sabah dan Sarawak.	16 – 17 Mei 2012	Hotel Promenade, Kota Kinabalu, Sabah	

Sumber: Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan, 2012

**Sesi Teach-in Garis
Panduan Perancangan
dan Pembangunan Tadika
Taska**

16 Julai 2012
Hotel Grand Blue Wave Shah Alam

Tujuan *teach-in* ini adalah membincangkan tentang isu-isu semasa Garis Panduan Perancangan Tadika dan Taska.

**Sesi Teach-in Garis
Panduan Perancangan
Kejiranan Hijau**

4 September 2012
Hotel Kinta Riverfront, Ipoh Perak

Tujuan program diadakan adalah untuk memberi kefahaman kepada pihak-pihak berkepentingan mengenai isi kandungan Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau.

Perkara-perkara yang dibincangkan:

- i. Pembentangan bagi menerangkan Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau; dan
- ii. Pembentangan oleh pihak UPEN Melaka berkaitan pengalaman Negeri Melaka dalam menubuh dan menguruskan Majlis Teknologi Hijau Negeri Melaka.

**Sesi Teach-in Manual for
Social Impact Assessment
of Project Development**

4 Disember 2012
Hotel Grand Seasons, Kuala Lumpur

Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai aplikasi SIA di peringkat pelaksanaan projek. Selain itu, cadangan manual untuk Penilaian Impak Sosial bagi projek-projek pembangunan iaitu bagaimana pemantauan dijalankan juga turut dibincangkan.





PROGRAM BANDAR SELAMAT

Sasaran Pengurangan Jenayah

Pada tahun 2012, Kerajaan telah menetapkan sasaran untuk mengurangkan indeks jenayah keseluruhan yang dilaporkan sebanyak 5% berbanding dengan tahun 2011 dan indeks jenayah jalanan negara yang dilaporkan sebanyak 45% berbanding dengan tahun 2009 pada akhir Disember 2012. Pengurangan peratusan kebimbangan rakyat menjadi mangsa jenayah (*Fear of becoming a victim of crime*) sebanyak 45%.

Pencapaian Penurunan Indeks Jenayah

Indeks jenayah keseluruhan bagi tahun 2012 mencatat pengurangan sebanyak 7.6% berbanding dengan 5% sasaran. Manakala pengurangan indeks jenayah jalanan dilaporkan adalah 41.3% dan tidak mencapai sasaran 45%. Walau bagaimanapun, peratus pengurangan kebimbangan rakyat menjadi mangsa jenayah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu 57.3% berbanding 45% sasaran.

KPI	SASARAN 2012	PENCAPAIAN 2012
Pengurangan indeks jenayah keseluruhan yang dilaporkan	5% berbanding pencapaian tahun 2011	7.6%
Pengurangan indeks jenayah jalanan yang dilaporkan	45% berbanding pencapaian tahun 2009	41.3%
Pengurangan peratusan kebimbangan rakyat menjadi mangsa jenayah	45%	57.3%

**Kajian Tahap
Kebimbangan Pengguna
Terhadap Jenayah (*Fear
of Crime*) 12 PBT Hotspot
bagi tahun 2012**

Kajian *Fear of Crime* (FOC) ini dijalankan dengan mendapatkan pendapat pengguna mengenai tahap kebimbangan mereka setelah pelaksanaan Program Bandar Selamat di 12 PBT *hotspot* pada tahun 2012. Hasil kajian FOC yang telah dilaksanakan mencatat sebanyak 89% pengguna berasa selamat dan 11% berasa tidak selamat.

Peruntukan 2012

Kementerian Dalam Negeri telah menyediakan peruntukan belanja pembangunan dan mengurus iaitu RM110 juta (P62) dan RM943,000.00 (B43).



LIMA (5) LANGKAH SEGERA PROGRAM BANDAR SELAMAT

1. Pencahayaan, Majlis Daerah Pontian
2. Rel penghadang Majlis Daerah Bandar Baharu
3. Cermin Keselamatan, Majlis Daerah Samarahan
4. Tempat Letak Motosikal Berkunci, Majlis Bandaraya Alor Setar
5. Papan tanda talian kecemasan, Majlis Daerah Simunjan
6. Penggera keselamatan, Majlis Bandaraya Johor Bahru



**PELAKSANAAN LIMA
(5) LANGKAH SEGERA
PROGRAM BANDAR
SELAMAT OLEH 151 PBT**

Sehingga 31 Disember 2012, 151 PBT telah melaksanakan lima (5) langkah segera Program Bandar Selamat di kawasan yang sering berlaku jenayah jalanan iaitu : -

1. Pencahayaan : 7,178 unit lampu
2. Pengasingan laluan pejalan kaki dari laluan bermotor (rel penghadang / *bollard*) : 143 kilometer
3. Cermin keselamatan : 823 unit
4. Papan Tanda Talian Kecemasan PDRM : 1148 unit
5. Tempat Letak Motosikal Berkunci : 34,701 unit
6. Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) Fasa 3 : Perluasan kepada 37 PBT dan 215 Balai Polis

Tambahan daripada itu, pemasangan satu (1) penggera keselamatan telah dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru dan ianya di luar sasaran asal pelaksanaan lima (5) langkah segera Program Bandar Selamat.

**Mesyuarat Jawatankuasa
Pemandu Program Bandar
Selamat Peringkat KPKT**

Dua (2) Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program Bandar Selamat Peringkat KPKT yang dipengerusikan oleh YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah diadakan untuk memantau status pelaksanaan inisiatif dan program yang ditetapkan oleh Lab NKRA Mengurangkan Jenayah - NKPI 1.1.4 Mempertingkatkan Ciri-ciri Keselamatan Rumah (*House Security Features*) dan NKPI 1.2.1 Pencegahan Jenayah Jalanan melalui Program Bandar Selamat.

**Mesyuarat Jawatankuasa
Teknikal *House Security
Features* dan Program
Bandar Selamat**

Sebanyak enam (6) sesi Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal *House Security Features* dan Program Bandar Selamat diadakan bagi membentangkan Kajian Tahap Kebimbangan Pengguna terhadap jenayah setiap PBT, Kajian Audit Keselamatan Tandas Awam dan Terminal Pengangkutan Awam 12 PBT *Hotspots*, Pelan Induk Bandar Selamat bagi 151 PBT dan memantau status pelaksanaan Program Bandar Selamat di 151 PBT.



PANDUAN PELAKSANAAN REKA BENTUK BANDAR SELAMAT ATAU *CRIME PREVENTION THROUGH ENVIRONMENTAL DESIGN* (CPTED)

Jemputan Pembentangan Kertas Kerja *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED)

Panduan Pelaksanaan Reka Bentuk Bandar Selamat (*Crime Prevention Through Environmental Design*) disediakan untuk menyokong Program Bandar Selamat melalui Langkah 2 : Pelaksanaan Reka Bentuk Persekitaran Yang Selamat di bawah Strategi 1 : Mereka Bentuk Persekitaran Fizikal di dalam buku Program Bandar Selamat 2010. Panduan ini mengandungi ringkasan konsep, panduan umum dan senarai semak.

Taklimat CPTED di Seminar Aplikasi *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) sebagai kriteria Bandar Selamat dalam Kelulusan Perancangan di Institut Latihan DBKL pada 12 September 2012.

Taklimat CPTED kepada pemaju, perunding, jabatan teknikal dan PBT Negeri Kedah di Seminar Pemahaman Program Bandar Selamat Negeri Kedah yang disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Diraja Ustaz Azizan bin Abdul Razak, YAB Menteri Besar Negeri Kedah di Dewan Besar Majlis Bandaraya Alor Setar pada 13 Disember 2012.



**Pelan Tindakan Bandar
Selamat Taman Tun Dr.
Ismail (TTDI)**

Pada 17 Mac 2012, Lawatan Kerja Program Bandar Selamat YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama media ke Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) adalah susulan lawatan turun padang pada 17 Oktober 2011 yang lalu. Lawatan ini adalah ekoran daripada arahan YAB Perdana Menteri semasa Mesyuarat Jemaah Menteri pada 27 April 2011 untuk menjadikan TTDI sebagai projek perintis *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED) dan Program Bandar Selamat. Pelan Tindakan Program Bandar Selamat TTDI telah disediakan dan dipersetujui dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 8 Jun 2011.

International Panel Review bagi NKRA Mengurangkan Jenayah telah dianjurkan oleh PEMANDU, JPM pada 4-5 Julai 2012 untuk mendapatkan maklumbalas berkenaan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan di bawah NKRA Mengurangkan Jenayah.





Lawatan Kerja Program Bandar Selamat YB Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan Bersama Media ke Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) & NKRA Mengurangkan Jenayah, International Panel Review : Lawatan Kerja oleh International Panel ke Taman Tun Dr. Ismail (TTDI)

**PROGRAM TRANSFORMASI
KERAJAAN 2.0 (GTP),
MAKMAL NKRA
MENGURANGKAN
JENAYAH**

Makmal Program Transformasi Kerajaan 2.0 (2013 - 2015) telah berjaya dilaksanakan selama enam (6) minggu mulai 23 April 2012 sehingga 31 Mei 2012 di Pusat Akademi MAS, Kelana Jaya.

Di bawah GTP 2.0, tiga (3) daripada 35 inisiatif di bawah NKRA Mengurangkan jenayah telah dipertanggungjawabkan kepada KPKT: -

- i. Mengurangkan jenayah pecah rumah dengan meningkatkan *House Security Features* melalui *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED).
- ii. Mengurangkan jenayah kecurian kenderaan dengan memperkasa kawasan sasaran di tempat letak kenderaan swasta dan mewujudkan *car park league table*.
- iii. Inisiatif *black spot* yang fokus kepada pemutihan kawasan *black spot* yang tidak semestinya mempunyai indeks jenayah tinggi tetapi menimbulkan perasaan rasa takut terhadap jenayah (*fear of becoming victim of crime*) seperti kawasan sarang penagih dadah, pendatang asing tanpa izin, pelacuran, perjudian dan gangster. Tujuan inisiatif ini adalah untuk memutihkan atau membersihkan sesuatu kawasan *black spot* dengan kerjasama pelbagai agensi. Sasaran inisiatif *black spot* adalah mengurangkan rasa kebimbangan menjadi mangsa jenayah (*Fear of becoming victim of crime*) sebanyak 50%.

**Projek perintis pemutihan
black spot di kawasan
perumahan awam Sri
Selangor, Jalan San Peng,
Kuala Lumpur**

Projek perintis pemutihan blackspot di kawasan perumahan awam Sri Selangor, Jalan San Peng akan dijalankan pada tahun ini. Ketua Unit Khas NKRA Bandar Selamat, Pn. Siow Suan Neo membentangkan inisiatif pemutihan *black spot* yang merupakan salah satu daripada empat inisiatif berimpak tinggi dalam mengurangkan jenayah semasa sesi *syndication* dengan YDH Tan Sri Haji Ismail bin Haji Omar, Ketua Polis Negara, YBhg. Dato' Abd. Rahim bin Mohd. Radzi, Ketua Setiausaha, Kementerian Dalam Negeri, YB Senator Dato' Seri Idris Jala, CEO PEMANDU, Jabatan Perdana Menteri, dan YB Dato' Seri Hishammuddin Bin Tun Hussein, YB Menteri Dalam Negeri.

Inisiatif *Black Spot*

Sebanyak sembilan (9) sesi mesyuarat atau bengkel berkaitan dengan *Black Spot* telah diadakan untuk memuktamadkan *Standard Operating Procedure* (SOP) dan Kriteria *Black Spot*.





Projek perintis pemutihan *black spot* di kawasan perumahan awam Sri Selangor,
Jalan San Peng, Kuala Lumpur
&
Inisiatif *Black Spot*

HEBAHAN PROGRAM BANDAR SELAMAT

Majlis Perasmian Program Bandar Selamat Negeri Johor 2012 dan Lawatan Kerja Inisiatif NKRA di Majlis Perbandaran Kulai, Johor

Pada 6 Mac 2012, Majlis Perasmian Program Bandar Selamat Negeri Johor 2012 dan Lawatan Kerja Inisiatif NKRA di Majlis Perbandaran Kulai, Johor telah disempurnakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri.

Liputan Laporan Khas : Program Bandar Selamat di Berita Nasional TV1 dan Galeri Nasional Mandarin TV2

Pada 16 April 2012, satu sesi wawancara dengan Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan), En. Kamalruddin bin Shamsudin dalam Rancangan Berita Nasional RTM 1 : Laporan Khas Program Bandar Selamat yang bertajuk “Persekitaran Selamat, Rakyat Sejahtera” telah diadakan.

Pada 15 Mei 2012, satu sesi wawancara dengan Ketua Unit Khas NKRA Bandar Selamat, Pn. Siow Suan Neo dalam Rancangan Berita Nasional Mandarin RTM 2 : Laporan Khas Program Bandar Selamat yang bertajuk “Persekitaran Selamat, Rakyat Sejahtera” telah diadakan.

Pameran Program Bandar Selamat

Pada tahun 2012, Unit Khas NKRA telah mengadakan 11 pameran yang memperkenalkan Program Bandar Selamat kepada masyarakat umum. Anggaran seramai 200,000 orang awam memperolehi maklumat serta memahami Program Bandar Selamat yang telah dilaksanakan di Malaysia. Pameran-pameran tersebut adalah seperti berikut:

- i. Program Jelajah Janji Ditepati Bersama YAB Perdana Menteri bagi tahun 2012.
- ii. Pameran Sistem Pemantauan Bandar Selamat telah diadakan pada 15 Januari 2012 sempena Forum Kesejahteraan Bandar yang bertajuk “Tanggungjawab Sosial Komuniti” yang dirasmikan oleh YB Senator Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon.
- iii. Pameran Program Bandar Selamat sempena Sambutan Hari Landskap Negara pada 24 – 26 September 2012 di Foyer Dewan B, Aras Concourse, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).
- iv. Pameran Program Bandar Selamat Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2012 pada 7 November 2012.
- v. Pameran Program Bandar Selamat sempena Persidangan *International Fire Conference and Exhibition* Malaysia 2012 (IFCEM 2012) telah diadakan pada 20 hingga 22 November 2012.
- vi. Pameran Program Bandar Selamat Sempena Majlis Pelancaran Unit Rondaan Bermotosikal oleh YAB Perdana Menteri pada 19 Disember 2012 di Padang Awam BK5, Bandar Kinrara, Selangor.





Hebahan Program Bandar Selamat

PENGURUSAN Pelanggan



PENGURUSAN PELANGGAN

KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN

Kajian Kepuasan Pelanggan dijalankan ke atas pelanggan Jabatan yang terdiri daripada Kementerian, Jabatan, Agensi Teknikal, perunding, pembekal, PBT, institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi. Secara keseluruhan, tahap kepuasan pelanggan Jabatan mencapai purata skor 4 (baik).

Hasil analisis Kajian Kepuasan Pelanggan mendapati :

- i. Semua bahagian sentiasa memantau maklum balas pelanggan yang diterima supaya tindakan penambahbaikan yang bersesuaian dapat dilaksanakan dengan berkesan. Walaupun sesetengah maklum balas yang diterima adalah di luar bidang kuasa bahagian untuk mengatasinya.
- ii. Semua bahagian juga sedaya upaya memperbaiki mutu perkhidmatan yang diberikan agar para pelanggan selesai berurusan dengan Jabatan.
- iii. Maklum balas yang diterima selama ini dapat memperbaiki kualiti dan mutu perkhidmatan yang diberikan oleh Jabatan kepada orang ramai dan pelanggan yang menggunakan perkhidmatan Jabatan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Skor Pencapaian Kepuasan Pelanggan

BIL.	BAHAGIAN	PURATA SKOR BAHAGIAN B	PURATA SKOR BAHAGIAN C	TAHAP KEPUASAN PELANGGAN
1.	Bahagian Korporat	4	4	4 (Baik)
1.1	Galeri Rosli Buyong	4	4	4 (Baik)
2.	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan	4	4	4 (Baik)
3.	Bahagian Khidmat Pengurusan	4	4	4 (Baik)
3.1	Seksyen Sumber Manusia	4	4	4 (Baik)
3.2	Seksyen Teknologi Maklumat	4	4	4 (Baik)
3.3	Pusat Sumber	4	4	4 (Baik)
4.	Bahagian Rancangan Pembangunan			
4.1	Pejabat Projek Zon Tengah	3	4	4 (Baik)
4.2	Pejabat Projek Zon Selatan	4	3	4 (Baik)
4.3	Pejabat Projek Zon Utara	4	4	4 (Baik)
4.4	Pejabat Projek Zon Timur	4	4	4 (Baik)
4.5	Unit Penyelarasan Projek	4	4	4 (Baik)
5.	Bahagian Rancangan Fizikal Negara	4	4	4 (Baik)
6.	Bahagian Perancangan Wilayah	4	4	4 (Baik)
7.	Bahagian Perundangan dan Kawalselia Perancangan	4	4	4 (Baik)
8.	Bahagian Maklumat Gunatanah Negara	4	4	4 (Baik)

Sumber: Pejabat Projek Zon Utara, 2012

Nota : Tidak Berkaitan (TB) Tidak Memuaskan (1) Sederhana Memuaskan (2) Memuaskan (3) Baik (4)

Nota : Ruangan untuk Mod Skor Tertinggi telah digantikan dengan Tahap Kepuasan Pelanggan.

*Bahagian B : Perkhidmatan dan Kemudahan Am Jabatan

**Bahagian C : Perkhidmatan Bahagian

PROGRAM HARI BERSAMA PELANGGAN

Program Hari Bersama Pelanggan (HBP) diadakan bagi mempromosi dan mendedahkan penglibatan Jabatan di samping meningkatkan lagi pemahaman dan penglibatan orang awam di dalam perancangan bandar dan desa. Jabatan telah menggiatkan usaha sebaran dan publisiti melalui HBP dengan edaran info berkenaan JPBD, edaran buletin, risalah berkenaan Program Bandar Selamat dan hebahan fungsi dan peranan Jabatan di dalam pembangunan negara.

Sepanjang tahun 2012, sebanyak 12 program HBP telah diadakan. Daripada bilangan tersebut, sebanyak tujuh (7) program HBP telah diadakan bersama-sama dengan KPKT melalui program Jelajah Janji Ditepati (JJD) yang dianjurkan oleh Unit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri dengan mengadakan pameran berkenaan Program Bandar Selamat, khasnya dan peranan Jabatan amnya. Senarai program HBP adalah seperti di Jadual.







Program Hari Bersama Pelanggan

BIL	TARIKH	SEMPENA PROGRAM	TEMPAT
1.	6 Mac 2012	Karnival Bandar Selamat Negeri Johor 2012 dan Lawatan Turun Padang Ke Majlis Perbandaran Kulai.	Majlis Perbandaran Kulai.
2.	17 Apr 2012	Hari Bersama Pelanggan Peringkat Wisma Negeri Melaka	Perkarangan Wisma Negeri Melaka
3.	27-29 Apr 2012	Ekspo Kerjaya dan Pendidikan Ke-11 (Ekspen 2012)	USM Pulau Pinang
4.	8 Jun 2012	Jelajah Janji Ditepati di Kulim Hi-Tech, Kedah	Kulim Hi-Tech, Kedah
5.	17 Jun 2012	Jelajah Janji Ditepati di ADTEC, Taiping Perak	ADTEC, Taiping Perak
6.	23 Jun 2012	Jelajah Janji Ditepati di UTC Melaka	UTC Melaka
7.	8 Julai 12	Jelajah Janji Ditepati di Teras Jenang, Bangi, Selangor	Teras Jenang, Bangi, Selangor
8.	17 Julai 2012	Pra-Pelancaran Sambutan Hari Habitat Sedunia 2012	KL Sentral
9.	29 Sep 2012	Jelajah Janji Ditepati di Kompleks Sukan Paroi, Negeri Sembilan	Kompleks Sukan Paroi, Negeri Sembilan
10.	14 Okt 2012	Jelajah Janji Ditepati di Kudat, Sabah	Pusat Sukan, Kudat, Sabah
11.	20-22 Nov 2012	<i>International Fire Conference and Exhibition Malaysia 2012</i>	Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC)
12.	8 Dis 2012	Jelajah Janji Ditepati di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang	Padang Kawad, USM Pulau Pinang

Sumber: Bahagian Korporat, 2012





HARI BERSAMA PELANGGAN 2012

LAWATAN DELEGASI DALAM DAN LUAR NEGARA

Bagi tahun 2012 Jabatan telah menerima kunjungan daripada Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Para pelajar telah didedahkan dengan peranan Jabatan dan kerjaya sebagai Pegawai Perancang Bandar dan Desa melalui taklimat yang disampaikan. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada para pelajar selepas selesai sesi taklimat disampaikan, didapati para pelajar cenderung untuk mengetahui penglibatan Jabatan di dalam menangani isu-isu semasa berkaitan perancangan.

Jabatan juga turut menerima kunjungan daripada Delegasi Luar Negara yang ingin sama-sama berkongsi pengalaman dalam menangani isu-isu perancangan bandar.

TARIKH	PROGRAM	TEMPAT
2 Apr 2012	Lawatan pelajar Tahun 3 Semester 2 Jabatan Pentadbiran Tanah, Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah, UTM ,Skudai, Johor	Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBD Ibu Pejabat
9 Mei 2012	Lawatan delegasi daripada Ministry of Construction, Myanmar	Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBD Ibu Pejabat
16 Mei 2012	Lawatan pelajar Pusat Pengajian Perancangan Wilayah, Fakulti Senibina, Perancangan dan Ukur, UiTM Shah Alam	16 Mei 2012
4 Sep 2012	Lawatan Pelajar Korea	Bilik Mesyuarat Tingkat 20, Wisma Tun Sambanthan
14 Dis 2012	Delegasi Sweden Bersama Dato' Ketua Pengarah	Bilik Ketua Pengarah, Blok Tanjung, JPBD Ibu Pejabat



Delegasi Sweden bersama Dato' Ketua Pengarah JPBD | 14 Disember 2012 | Bilik Dato' Ketua Pengarah

Tujuan kunjungan hormat Ambassador Sweden ke JPBD adalah untuk mengeratkan hubungan yang sedia terjalin terdahulu ini melalui lawatan para pegawai JPBD ke Sweden dan seminar yang telah diadakan bersama pada bulan Mei 2011 di Kuala Lumpur. Antara perkara-perkara yang dibincangkan adalah:

- a) Pihak Sweden menawarkan perkhidmatan pelaksanaan terutamanya dalam aspek pengangkutan awam bagi meningkatkan kecekapan pengangkutan awam di Malaysia. Pihak Sweden juga memaklumkan pihaknya juga telah menjalin kerjasama dengan pihak DBKL dalam meningkatkan perkhidmatan pengangkutan awam DBKL. Selain daripada pengangkutan awam, pihak Sweden juga terlibat di dalam projek menaik taraf laluan pejalan kaki di pusat Bandar Kuala Lumpur.
- b) Pihak JPBD memaklumkan bahawa pengangkutan awam di Malaysia di dalam bidang kuasa Kementerian Pengangkutan dan juga Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). Walaubagaimapun, kedua-dua pihak bersetuju, dengan pertukaran kepakaran terutamanya di dalam aspek pengangkutan awam.



Lawatan Delegasi Korea | 4 September 2012 | Bilik Mesyuarat Tingkat 20, Wisma Tun Sambanthan



Lawatan delegasi daripada Kementerian Pembinaan Myanmar | 9 Mei 2012 | Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBD Ibu Pejabat



Lawatan pelajar UiTM Shah Alam | 16 Mei 2012 | Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBD Ibu Pejabat



Lawatan pelajar, UTM Skudai, Johor | 2 April 2012 | Bilik Mesyuarat Tanjung, JPBD Ibu Pejabat



PENCAPAIAN & Pengiktirafan



PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN 2012

Selaras dengan penubuhan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia selama lebih 90 tahun iaitu bermula pada tahun 1921, pelbagai pencapaian dan pengiktirafan telah diterima di atas komitmen Jabatan mewujudkan persekitaran kehidupan yang kondusif dan mampan melalui program-program yang telah dilaksanakan.

Jabatan juga sentiasa komited di dalam memenuhi ekspektasi dan kehendak *stakeholders* yang tinggi selaras dengan komitmen Kerajaan mengutamakan prestasi serta berpaksikan keutamaan kepada rakyat.

Sehubungan itu, di dalam memenuhi aspirasi berkenaan sebanyak 11 pengiktirafan dan penganugerahan telah diterima oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa iaitu tiga (3) penganugerahan telah diperolehi di peringkat antarabangsa, tujuh (7) di peringkat Kebangsaan dan satu (1) di peringkat Kementerian.

Pencapaian dan Pengiktirafan 2012

BIL.	PENGIKTIRAFAN/ ANUGERAH	PERINGKAT PENERIMAAN	ORGANISASI PENGANJUR
1	Anugerah " <i>Special Achievement In GIS Awards</i> " oleh <i>Environmental System Research Institute</i> (ESRI) di San Diego, California, sempena Persidangan ESRI User Conference International, 21 - 26 Julai 2012	Peringkat Antarabangsa	<i>Environmental System Research Institut</i> (ESRI)
2	Anugerah " <i>Future City of The Year 2012</i> " sempena FutureGov Summit di Chiang Mai, Thailand pada 17-19 Oktober 2012	Peringkat Antarabangsa	<i>Thailand FutureGov Summit</i>
3	"Anugerah Khas MyGDI" Sempena Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) Ke 5	Peringkat Kebangsaan	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar
4	Co-Author Penerbitan Kajian Central Forest Spine antara Bahagian Wilayah dan <i>Wildlife Conservation Society</i> Malaysia 2012	Peringkat Kebangsaan	<i>Wildlife Conservation Society</i> Malaysia
5	Akreditasi NKRA Mengurangkan Jenayah-Projek Bandar Selamat, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur pada 4-5 Julai 2012	Peringkat Antarabangsa	<i>International Panel Review</i> (IPR)
6	Anugerah Kecemerlangan Pengurusan Kewangan Berdasarkan Indeks Akauntabiliti Tahun 2011 Bagi Kementerian, Jabatan Persekutuan dan Badan Berkanun Persekutuan (4 Bintang)	Peringkat Kebangsaan	Jabatan Audit Negara
7	Anugerah Pengurusan Penyesuaian Hasil Terbaik Bagi Tahun 2012	Peringkat Kebangsaan	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
8	Anugerah Pengurusan Penyesuaian Vot Pembangunan Terbaik Bagi Tahun 2012	Peringkat Kebangsaan	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
9	Anugerah Pengurusan Penyesuaian Amanah Terbaik Bagi Tahun 2012	Peringkat Kebangsaan	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
10	Penyertaan Kumpulan <i>MyTownNET</i> ke pertandingan KIK peringkat kebangsaan ke -29	Peringkat Kebangsaan	Jabatan Perkhidmatan Awam, INTAN dan SUK Negeri Kedah
11	Anugerah Cemerlang Penarafan Empat (4) Bintang Laman Web Rasmi JPBD	Peringkat Kementerian	<i>Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.</i> (MDeC)

Sumber: Bahagian Korporat, 2012

SPECIAL ACHIEVEMENT IN GIS AWARDS

Jabatan telah dianugerahkan “*Special Achievement In GIS Awards*” oleh *Environmental System Research Institute* (ESRI) di San Diego, California, sempena Persidangan ESRI *User Conference International di Convention Centre* San Diego, California Amerika Syarikat pada 21 - 26 Julai 2012 USA.

Penyertaan ini terpilih daripada 100,000 penyertaan bagi pembangunan serta inovasi teknologi GIS yang disenarai pendek oleh ESRI. Anugerah ini disampaikan oleh Mr. Jack Dangermond, Presiden ESRI dan persidangan ini turut dihadiri oleh Mr. Roger Tomlinson iaitu orang pertama yang telah menggunakan GIS secara perkomputeran pada tahun 1960-an

Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) dibangunkan menggunakan aplikasi GIS untuk pemetaan dan pemantauan jenayah. Melalui kerjasama strategik JPBD dan PDRM dalam pemantauan jenayah secara pemetaan digital, SPBS dilengkapi dengan pelbagai inovasi khususnya pengintegrasian dengan *Police Reporting System* (PRS) bagi membolehkan lokasi dan data jenayah dipetakan di peringkat balai polis di seluruh Malaysia, penggunaan teknologi *virtualization* di peringkat *Enterprise (wide scale)* dan pembangunan aplikasi interaktif peta jenayah.



Award presented to

Federal Dept. of Town and Country

Planning, Portmairat Mairysa


Jack Dangermond
President, Esri

Esri User Conference | July 2012 | San Diego, California



FUTURE CITY OF THE YEAR 2012

Pada 17-19 Oktober 2012, JPBD Semenanjung Malaysia bersama Polis DiRaja Malaysia (PDRM) melalui Sistem Pemantauan Bandar Selamat telah menerima anugerah *Future City of the Year 2012* dari FutureGOV Summit 2012 yang diadakan di Hotel Shangri-La Hotel Chiang Mai, Thailand.

Sistem ini telah mula beroperasi pada 1 Januari 2011 dan sehingga kini telah dihubungkan ke 216 Balai Polis dan 35 PBT di seluruh Malaysia. Jabatan telah mewakili dua orang pegawai bagi menerima anugerah tersebut.



ANUGERAH KHAS MyGDI

Anugerah Khas *MyGDI* 2012 oleh Pusat Infrastruktur Data Geospatial Negara (MaCGDI) Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar diterima sempena Simposium Maklumat Geospatial Kebangsaan (NGIS) Ke-5 anjuran Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Majlis ini telah diadakan pada 21-22 Mei 2012 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Anugerah ini bertujuan mengiktiraf penglibatan aktif dan komitmen yang cemerlang JPBD Semenanjung Malaysia di dalam membangunkan aplikasi dan produk GIS di peringkat Persekutuan dan negeri.





TTDI
RESIDENTS
ASSOCIATION

**NKRA REDUCING CRIME INTERNATIONAL PANEL REVIEW :
SAFE CITY PROGRAMME IN TAMAN TUN DR. ISMAIL,
KUALA LUMPUR
4 JULY 2012 (THURSDAY)**



DCP T. RAJA KUMAR
Deputy Commissioner of Police (Policy) Singapore Police Force

IMBASAN
Aktiviti Jabatan
2012



Strategi NBOS 7

Strategi Lautan Biru Negara (NBOS) merupakan usaha kerajaan bagi meningkatkan sistem penyampaian kerajaan kepada rakyat dengan projek-projek atau idea-idea yang kreatif melalui kerjasama di antara kementerian, jabatan, agensi Persekutuan, negeri, PBT dan swasta.

Membaik Pulih Perumahan Awam

Pada tahun 2012 terdapat lapan (8) projek membaik pulih perumahan awam telah dilaksanakan iaitu :

- i. Taman Lobak, Seremban, Negeri Sembilan
- ii. Taman Setia Jaya, Alor Setar, Kedah
- iii. Simpang Kuala, Alor Setar, Kedah
- iv. Seberang Terus, Alor Setar, Kedah
- v. Jalan Silang, Ipoh, Perak
- vi. Jalan Bijih Timah, Ipoh, Perak
- vii. Kinta Height, Ipoh, Perak
- viii. Larkin, Johor Bahru

Kerja-kerja yang telah dilaksanakan adalah:

- i. Menaiktaraf Infrastruktur : Pencahayaan, menurap semula jalan dan cat TLK, naiktaraf sistem perparitan, naiktaraf pejalan kaki, naiktaraf gelanggang futsal dan bola keranjang, penutupan lubang sampah, naiktaraf Dewan Orang Ramai
- ii. Penyelenggaraan bangunan : Mengecat semula bangunan, pendawaian dalaman dan pencahayaan, membaiki dan mengecat semula tangki air, penukaran bumbung dan *gutter*
- iii. Landskap : Taman Permainan kanak-kanak
- iv. Program Bandar Selamat : Tempat letak motosikal berkunci, papan Tanda Peringatan Jenayah

Membina Semula Rumah Terbakar (*House Build*)

Pada tahun 2012 terdapat lima (5) projek membina semula rumah terbakar telah dilaksanakan di lokasi berikut:

- i. Kg. Masjid Lama, Alor Setar
- ii. Kg. Gadok Sawah, Gemencheh
- iii. Kg. Bukit Cherakah, Kuala Selangor
- iv. Kg. Tanjung Medan, Parit
- v. Kg. Besut, Kemaman

Majlis Pelancaran dan Penyerahan Projek Strategi Lautan Biru Negara (NBOS)

Majlis Pelancaran dan Penyerahan Projek Strategi Lautan Biru Negara (NBOS) telah diadakan seperti berikut :

- i. Majlis Pelancaran Projek Membaik Pulih Rumah Pangsa Taman Setia Jaya, Alor Setar, Kedah pada 28 Julai 2012 yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- ii. Majlis Pelancaran Projek Membaik Pulih Rumah Pangsa Lobak, Seremban pada 8 September 2012 yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- iii. Majlis Pelancaran Projek Membaik Pulih Rumah Pangsa Simpang Kuala, Alor Setar, Kedah pada 14 Oktober 2012 yang telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- iv. Majlis Penyerahan Projek Membaik Pulih Rumah Pangsa Lobak, Seremban pada 9 Disember 2012 dan telah disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.
- v. Majlis Penyerahan Projek Membaik Pulih Perumahan Awam Taman Setia Jaya, Jalan Langgar, Alor Setar dan Penyerahan Kunci Rumah Projek Pembinaan Semula Rumah Terbakar di Kg. Masjid Lama, Mukim Lepai, Alor Setar, Kedah pada 23 Disember 2012 yang disempurnakan oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.





Majlis Pelancaran dan Penyerahan Projek Strategi Lautan Biru Negara (NBOS)

Program Gotong-Royong

Pada tahun 2012 terdapat tiga (3) program gotong royong Strategi Lautan Biru Negara telah dilaksanakan iaitu :

- i. Program Gotong Royong Strategi Lautan Biru Negara: Kejiranan Indah (*My Beautiful Neighbourhood*) di Rumah Pangsa Larkin, Johor Bahru yang telah diadakan pada 25 November, 2012 dan telah dirasmikan oleh YB Tan Sri Dato' Shahrir Bin Abdul Samad.
- ii. Program gotong-royong di Rumah Flat Kinta Height, Jalan Silang dan Bijih Timah, Ipoh, Perak pada 14 September 2012.
- iii. Program gotong-royong perdana di Rumah Pangsa Lobak, Seremban pada 30 September 2012.



MESYUARAT MAJLIS PERANCANG FIZIKAL NEGARA

Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) telah ditubuhkan pada tahun 2003 selaras dengan pindaan Akta 172 pada tahun 2001 sebagai satu usaha untuk menangani masalah pasaran dalam sektor hartanah dan penyelarasan di antara Kerajaan Persekutuan dengan kerajaan negeri dan tempatan dalam hal ehwal perancangan bandar dan desa.

Sebanyak 17 mesyuarat telah bersidang sejak 2003 dan terkini telah diadakan pada 7 Disember 2012 (Jumaat) yang dipengerusikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. MPFN ini diurus setiakan oleh JPBD Semenanjung Malaysia dan Ketua Pengarah JPBD Semenanjung Malaysia merupakan Setiausaha MPFN.

Bagi tahun 2012, sebanyak 16 kertas kerja telah dibentangkan. Terdapat tiga (3) kategori kertas yang dibentangkan iaitu kertas kerja untuk mendapatkan persetujuan, kertas untuk mendapatkan nasihat dan juga kertas makluman. Kertas-kertas yang telah dibentangkan antaranya berkaitan dengan perkara-perkara seperti berikut:

- i. Kertas kerja berkenaan Cadangan Pemakaian Garis Panduan Perancangan;
- ii. Rancangan Induk Pengangkutan Awam Darat Negara;
- iii. Kertas untuk mendapat nasihat bagi cadangan pemajuan di bawah peruntukan perenggan 2A(2)(b) dan subseksyen 22(2A) Akta 172;
- iv. Kertas makluman Status Pewartaan Tanah Lapang bagi Semenanjung Malaysia sehingga Jun 2012 dan Program Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM); dan
- v. Kertas Penubuhan Jawatankuasa Perancang Wilayah bagi Kawasan Bersempadanan antara Negeri Sembilan, Melaka dan Johor.





MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2012



Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Jabatan Perancangan Bandar dan Desa 2011 telah diadakan di *Sime Darby Convention Centre* pada 5 Jun 2012 dengan tema **Sinaran Mutiara**. Majlis tersebut telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Arpah binti Abdul Razak, Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Seramai 61 pegawai telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2011.

Majlis turut sama meraikan 40 pegawai yang berkhidmat melebihi 30 tahun dan lapan (8) orang pesara dengan penyampaian sijil disempurnakan oleh YBhg. Dato' Mohd. Fadzil bin Hj. Mohd. Khir, Ketua Pengarah JPBD Semenanjung Malaysia. Penerima Anugerah Mithali Ketua Pengarah telah diberikan kepada pegawai jabatan yang menunjukkan prestasi kerja cemerlang, konsisten, mempamerkan budaya serta ciri-ciri cemerlang sama ada di dalam atau luar perkhidmatan dan pada tahun 2011 telah dianugerahkan kepada Pn. Salehah binti Abdul Manaf.

HARI INOVASI JABATAN 2012

Jabatan telah mengadakan sambutan Hari Inovasi pada 18 September 2012 yang telah diadakan di Auditorium, Muzium Negara selaras dengan tema Hari Inovasi Kebangsaan iaitu “Pembudayaan Inovasi Pencetus Perkhidmatan Cemerlang”. Sempena sambutan tersebut beberapa pertandingan telah diadakan iaitu pertandingan Debat, pertandingan KIK, Pertandingan Multimedia dan pertandingan Koir.

Senarai Pemenang Sempena Sambutan Hari Inovasi 2012

BIL.	KUMPULAN	BAHAGIAN/JPBD NEGERI
PERTANDINGAN KOIR		
1.	Kumpulan Melodius	JPBD Negeri Perak
2.	Kumpulan JPBD Melaka	JPBD Negeri Melaka
3.	Kumpulan 9Teen Dot Voice	Bahagian Rancangan Fizikal Negara
PERTANDINGAN DEBAT		
1.	JPBD Terengganu	JPBD Terengganu
2.	Bahagian Rancangan Fizikal Negara	Bahagian Rancangan Fizikal Negara

BIL.	KUMPULAN	BAHAGIAN/JPBD NEGERI
PERTANDINGAN KIK		
1.	Kumpulan Enigma	Pejabat Projek Zon Selatan
2.	Kumpulan <i>MyTownNet</i>	Bahagian Rancangan Fizikal Negara
3.	Kumpulan <i>Redzone</i>	Pejabat Projek Zon Tengah
PERTANDINGAN MULTIMEDIA		
1.	Syed Kamal Yusop b. Sayed Mahadi	Bahagian Rancangan Fizikal Negara
2.	Kumpulan JPBD Melaka	JPBD Melaka
3.	Siti Mazlina bt. Jusoh	Bahagian Korporat

Sumber: Bahagian Korporat, 2012

Jabatan telah menyertai pertandingan KIK peringkat KPKT yang telah diadakan pada 19 hingga 20 September 2012 dengan menghantar dua (2) kumpulan yang telah memenangi pertandingan KIK peringkat Jabatan. Kumpulan KIK *MyTownNet* daripada Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan telah dipilih mewakili KPKT ke Pertandingan KIK Peringkat Kebangsaan ke-29 yang telah diadakan di Awana Porto Malai, Langkawi pada 5 hingga 7 November 2012.

Peringkat KPKT

BIL	KUMPULAN	BAHAGIAN/JPBD NEGERI
PERTANDINGAN KIK (KATEGORI PENGURUSAN)		
1.	Kumpulan <i>MyTownNet</i> (Johan)	Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
2.	Kumpulan Enigma (Tempat ke-3)	Pejabat Projek Zon Selatan

Sumber: Bahagian Korporat, 2012





Auditorium Muzium Negara | 18 September 2012

HARI INOVASI JABATAN 2012

MESYUARAT RANCANGAN KORPORAT JABATAN 2012

Mesyuarat Rancangan Korporat Jabatan (RKJ) kali ke -24 telah diadakan pada 27 hb November-30 hb November 2012 di Hotel Summit Subang USJ, Selangor. Seramai 73 orang pegawai iaitu 70% daripada sejumlah 105 pegawai kanan JPBD Ibu Pejabat termasuk pegawai kader dan juga pegawai yang telah dipinjamkan ke jabatan-jabatan lain telah hadir di mesyuarat ini. Mesyuarat ini bertujuan untuk mengenalpasti hala tuju dan tindakan-tindakan penyelarasan perancangan dalam menggubal dasar-dasar semasa dan keperluan terkini.

Mesyuarat telah membincangkan pencapaian 2012 dan perancangan 2013 berdasarkan PTRSJ, *Rolling Plan* dan Pelan Strategik Jabatan. Sebanyak tiga (3) kertas kerja telah dibentangkan di mesyuarat tersebut. Pembentangan kertas kerja tersebut adalah seperti berikut;

- Seranta Awam (*Public engagement*) berdasarkan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) Pengalaman dan penambahbaikan, oleh Tn Hj Ahmad b. Abdullah, Pengarah Bahagian Perundangan & Kawal Selia Perancangan.

- Seranta Awam Atas Talian (*Online engagement*) oleh Tn Hj Muhammad Ridzuan b. Arshad, Timbalan Pengarah Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan
- *On the Ground Engagement*-Perspektif, Realiti dan Cabaran oleh Tn Hj Zaini b. Ishak, Pengarah Pejabat Projek Zon Utara

Lanjutan daripada pembentangan kertas kerja tersebut juga, mesyuarat diteruskan dengan perbincangan kumpulan terhadap tajuk-tajuk yang telah dibentangkan. Empat (4) kumpulan telah berbincang secara mendalam untuk menghasilkan kaedah yang baik untuk menarik orang awam terutama golongan muda untuk terlibat dengan *engagement*.





Hotel Summit Subang USJ, Selangor | 27-30 November 2012

MESYUARAT RANCANGAN KORPORAT JABATAN 2012



MESYUARAT PEGAWAI KANAN PERANCANG BANDAR DAN DESA MALAYSIA KE-26



Mesyuarat Pegawai Kanan Perancang Bandar dan Desa Malaysia ke 26 telah diadakan pada 7hb. November 2012. Mesyuarat yang diadakan di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur itu telah dihadiri oleh 100 orang pegawai perancang bandar dari seluruh Malaysia yang merangkumi pegawai dari JPBD Semenanjung Malaysia dan JPBD Negeri (61 orang), PBT (18 orang), Pegawai Kader (96 orang), Unit Pusat Setempat (6 orang), Pihak Perbadanan (9 orang), Institut Pengajian Tinggi Awam (3 orang) dan agensi-agensi lain (3 orang).

Mesyuarat Pegawai Kanan Perancang Bandar dan Desa ini telah diadakan bersekaligus dengan Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) 2012 yang diadakan pada sebelah malamnya. Tujuan mesyuarat diadakan adalah seperti berikut;

- Membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan hal ehwal perancangan bandar dan desa di negara ini, diantaranya termasuk hala tuju perancangan bandar dan desa, masalah dan isu dalam penyampaian perkhidmatan serta kebajikan pegawai perancang bandar di semua peringkat kerajaan;
- Memberi pendedahan dan pemahaman kepada semua pegawai kanan mengenai dasar dan strategi dalam pembangunan negara;
- Meningkatkan profesionalisme dan peranan Pegawai Perancang Bandar dalam negara; dan
- Menjalin silaturrahim di antara semua pegawai dari pelbagai agensi yang terlibat.

Mesyuarat Pegawai Kanan ini adalah merupakan satu forum penting bagi perancang bandar dan merupakan wadah jalinan kerjasama, perkongsian maklumat dan kemahiran bagi menggalakkan kreativiti dan inovasi, mengutarakan pendapat serta berkongsi pengalaman ke arah peningkatan profesion. Mesyuarat Pegawai Kanan kali ini juga telah diberi pengisian dengan satu ceramah bertajuk *High Impact Leadership* oleh Dr Hj Ridzuan b. Mohd Sagir dari KG Corporation.



Pada 24 September 2012 bertempat di ruang letak kereta JPBD Ibu Pejabat, Jabatan dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jalan Maharajalela telah menganjurkan sesi latihan kebakaran kepada semua pegawai.

Tujuan latihan ini diadakan adalah untuk menambahbaik sistem keselamatan di Jabatan dan mengenalpasti kelemahan-kelemahan daripada aspek keselamatan seperti tahap kesediaan pegawai JPBD ketika berlakunya kebakaran dan memastikan keadaan fizikal peralatan-peralatan bomba dalam keadaan baik dan boleh digunakan.

LATIHAN KEBAKARAN WARGA JPBD



HARI PERANCANGAN BANDAR SEDUNIA 2012



Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) disambut pada 8hb November setiap tahun sejak 63 tahun dahulu bertujuan untuk mengiktiraf peranan yang dimainkan oleh perancang bandar dan desa ke arah mencapai matlamat pembangunan mampan.

Hari Perancangan Bandar Sedunia (HPBS) pada tahun 2012 telah disambut pada 7hb November 2012 di Hotel Renaissance, Kuala Lumpur dengan kerjasama Pertubuhan Perancang Bandar Malaysia (MIP) dan Persatuan Pegawai Perancang Bandar dan Desa Malaysia (PERSADA).

Bertemakan “Bandar Hijau, Komuniti Bahagia” (*Green Cities, Happy Communities*) yang memberi fokus kepada Indeks Kebahagiaan (*Happiness Index of The People*) bagi memastikan pembangunan hijau dan komuniti sejahtera dengan menekankan aspek mesra alam melalui Perlaksanaan Inisiatif Kejiranan Hijau iaitu sebahagian daripada indikator-indikator pembangunan mampan.

Ia merupakan satu forum bagi mengeratkan ikatan silaturrahim dan bertukar-tukar pandangan di kalangan perancang bandar awam di peringkat persekutuan, negeri, pihak berkuasa tempatan, badan berkanun dan pihak swasta. Seramai lebih kurang 300 orang peserta telah menyertai sambutan ini.

Sambutan ini amat menggalakkan dan dapat memberi kesedaran kepada semua mengenai pentingnya perancangan dan pembangunan mampan ke arah melaksanakan satu transformasi perubahan gaya hidup (*green lifestyle*) yang menyeluruh dan sejahtera.

Antara program-program yang dijalankan sepanjang sambutan HPBS ini, adalah:

- i. Temubual bersama YBrs. Encik Kamalrudin bin Samsuddin, Timbalan Ketua Pengarah Perancangan dengan BERNAMA TV dan BERNAMA Radio 24 FM93.5 secara *online*.
- ii. Seminar dengan pembentangan dua (2) kertas kerja yang bertajuk:
 - *Comprehensive Assessment System for Built Environment Efficiency (CASBEE) in Japan* oleh Prof. Toshiharu Ikaga dari Keio University, Japan; dan
 - *World Happiness Index : Malaysia's Initiative with Local Authorities* oleh Dr. Dahlia bt. Rosly, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JPBD.
- iii. Majlis Penyampaian Anugerah Penaung (Patron) Pertubuhan Perancang Malaysia kepada YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad atas sumbangan beliau dalam perancangan dan pembangunan negara dan di peringkat antarabangsa.
- iv. Mesyuarat Pegawai Kanan Perancang Bandar dan Desa Malaysia ke-26.
- v. Majlis Perasmian HPBS 2012 oleh YB Dato' Seri Chor Chee Heung, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.





- vi. Pelancaran *Framework Malaysian Urban Rural National Indicators Network* Versi 2 (MURNInets Versi 2) JPBD Semenanjung Malaysia dan penyampaian penghargaan kepada pelaksana ujilari MURNInets Versi 2 kepada lapan (8) PBT yang terlibat iaitu :

- Dewan Bandaraya Kuching Utara
- Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
- Majlis Bandaraya Shah Alam
- Majlis Bandaraya Miri
- Perbadanan Putrajaya
- Majlis Perbandaran Alor Gajah
- Majlis Perbandaran Sandakan, dan
- Majlis Daerah Kuala Pilah

- vii. Penghargaan kepada Pelaksana Inisiatif Kejiranan Hijau telah diberikan kepada PBT berdasarkan kepada lima (5) kategori iaitu:

- Kategori 1: Laluan Pejalan Kaki : Perbadanan Putrajaya
Majlis Perbandaran Seberang Perai
Majlis Daerah Setiu
- Kategori 2: Laluan Basikal : Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
Majlis Perbandaran Pulau Pinang
Majlis Daerah Hulu Selangor
- Kategori 3: Sistem Pengumpulan dan Penggunaan Semula Air Hujan (SPAH) : Majlis Perbandaran Sandakan
Majlis Bandaraya Johor Bahru
Majlis Daerah Pekan
- Kategori 4: Pelupusan Sisa Pepejal Kaedah Kompos (Waste Composting) : Majlis Bandaraya Kuching Selatan
Majlis Perbandaran Subang Jaya
Majlis Daerah Jelevu
- Kategori 5: Kebun Kejiranan : Majlis Bandaraya Shah Alam
Dewan Bandaraya Kuching Utara







PUBLISITI HPBS 2012

Temubual bersama YBr. Encik Kamalrudin bin Samsuddin, Timbalan Ketua Pengarah (Perancangan) dengan Bernama TV dan Bernama Radio 24 Fm93.5 Secara Online



SEMINAR HPBS 2012

Seminar dengan pembentangan dua (2) kertas kerja yang bertajuk

- i. *Comprehensive Assessment System for Built Environment Efficiency (CASBEE) in Japan* oleh Prof. Toshiharu Ikaga dari Keio University, Japan
- ii. *World Happiness Index : Malaysia's Initiative with Local Authorities* oleh Dr. Dahlia bt. Rosly, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan), JPBD







MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PENAUANG (PATRON)

Penyampaian Anugerah Penaung (Patron) Pertubuhan Perancang Malaysia kepada YABhg. Tun Dr. Mahathir Mohamad atas sumbangan beliau dalam perancangan dan pembangunan negara dan di peringkat antarabangsa





Hotel Renaissance, Kuala Lumpur | 7 November 2012

MAJLIS PERASMIAN HPBS 2012



PENERBITAN
Jabatan 2012

GARIS PANDUAN PERANCANGAN
KEJIRANAN HIJAU



RANCANGAN FIZIKAL
Zon Persisiran Pantai Negara
National Physical Plan - Coastal Zone



PPA 02: Permohonan Cadangan Pemajuan Di Bawah Subseksyen 22(2A)



TUJUAN:

Sebagai satu rujukan lengkap bagi memperincikan pelaksanaan proses permohonan mengikut jenis-jenis permohonan yang perlu dikemukakan untuk mendapat nasihat MPFN. Panduan ini juga menerangkan keperluan-keperluan dan maklumat sokongan yang diperlukan bagi memudahkan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT).

Adalah diharapkan dengan penyediaan panduan Pelaksanaan Akta 172 ini dapat membantu PBT melaksana dan menguatkuasa prosedur dan proses permohonan yang lebih sistematik selaras dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan Sistem Penyampaian Perkhidmatan Awam.

PENGGUNA:

Semua warga JPBD dan PBPT

PPA 06: Perintah Pemeliharaan Pokok



TUJUAN:

Panduan Pelaksanaan Akta 172: Perintah Pemeliharaan Pokok sebagai panduan asas dalam melaksanakan perintah pemeliharaan pokok dengan teratur. Diharapkan panduan pelaksanaan ini dapat memelihara sistem ekologi tempatan dan menjaga kesejahteraan kehidupan penduduk tempatan di samping menyumbang ke arah mengurangkan pemanasan global.

PENGGUNA:

Semua warga JPBD, Jabatan Landskap dan PBT

Panduan Pelaksanaan Caj Pemajuan



TUJUAN:


Panduan Pelaksanaan ini disediakan untuk meningkatkan kefahaman dan dijadikan rujukan dalam melaksanakan caj pemajuan menurut Bahagian V Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172].

Justeru itu, pihak Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia telah mengambil inisiatif untuk menyediakan panduan pelaksanaan caj pemajuan dalam bentuk soalan-soalan lazim bagi tujuan memudahkan pemahaman berkaitan pelaksanaan caj pemajuan.

PENGGUNA

Semua warga JPBD, PBT, perunding, pemilik tanah dan pemohon kebenaran merancang, Jabatan Teknikal dan Agensi Kerajaan.

**Monograf Perundangan
Perancangan Bandar dan
Desa/ Kes-Kes Terpilih Lembaga
Rayuan Negeri Perak**



TUJUAN:

Monograf ini disediakan untuk:

1. Memberi penghuraian khusus ke atas kes-kes terpilih yang telah dibicarakan di Lembaga Rayuan Negeri Perak; dan
2. Sebagai rujukan ilmiah untuk menambah baik amalan perancangan khususnya dalam mempertimbangkan suatu permohonan Kebenaran Merancang (KM).

PENGGUNA:

Semua warga JPBD dan PBT.

RnD Newsletter



TUJUAN:

Sebagai platform siar raya dan hebahan program-program dan aktiviti yang telah dijalankan oleh Bahagian Penyelidikan dan Pembangunan (BPP), JPBD SM. Meliputi artikel berkaitan *MyTownNet*, status dan penyediaan GP, MURNInets, Bandar Padat, Kejiranan Hijau, SIA dan program-program BPP sepanjang 2012.

PENGGUNA:

Semua warga JPBD dan PBT.

Malaysian Townplan Journal
Planning in Multicolor



TUJUAN:

Sebagai majalah perancangan bandar paling utama di Malaysia yang mengumpulkan bahan-bahan bacaan berkaitan perancangan bandar serta isu semasa termasuk perkembangan terkini mengenainya.

PENGGUNA:

Semua lapisan pegawai yang terlibat di dalam perancangan bandar sama ada agensi persekutuan, PBT mahupun orang awam.

Garis Panduan Perancangan Kejiranan Hijau



TUJUAN:

Garis Panduan Perancangan (GPP) Kejiranan Hijau ini disediakan bagi membantu Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), pemaju, badan kerajaan dan bukan kerajaan semasa merancang, merekabentuk dan mengawal pembangunan kejiranan hijau. Kerajaan negeri boleh menggunakan GPP ini untuk merangka dasar dan kaedah-kaedah tertentu dalam menggalakkan pembangunan kejiranan hijau di negeri masing-masing. Bagi PBT, GPP ini akan dijadikan asas oleh PBT dalam mempertimbangkan permohonan Kebenaran Merancang (KM). Bagi pemaju, GPP ini akan menjadi asas panduan untuk merekabentuk sesebuah kejiranan hijau. Manakala bagi Jabatan dan agensi kerajaan pula boleh menjadikan GPP sebagai rujukan semasa merancang program masing-masing. Badan-badan bukan kerajaan dan pertubuhan profesional juga boleh menjadikan GPP ini sebagai asas dalam merangka suatu Sistem Penilaian Pembangunan Kejiranan Hijau dalam negara.

PENGGUNA:

PBN, PBPT, PBT, Jabatan Teknikal, pemaju, pihak swasta dan orang awam.

Garis Panduan Perancangan Pengenalpastian Bagi Pembangunan Semula Kawasan Brownfield



TUJUAN:

Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan untuk membantu Kerajaan Negeri, PBT, agensi pelaksana, pemaju-pemaju dan perunding-perunding perancangan dalam pengenalpastian dan memudahcara pembangunan kawasan *Brownfield* selaras dengan amalan perancangan terbaik. Garis Panduan ini digunapakai di peringkat penyediaan Rancangan Pemajuan untuk mengenal pasti kawasan *Brownfield* dan menetapkan syarat-syarat pemajuan dalam proses kawalan perancangan. Selain itu, Garis Panduan ini juga termasuk keperluan untuk membentuk pangkalan data *Geographical Information System* (GIS) bagi inventori kawasan *Brownfield* di peringkat negeri dan PBT.

PENGGUNA:

PBN, PBPT, PBT, Jabatan Teknikal, pemaju, pihak swasta dan orang awam..

Garis Panduan Penubuhan Tadika Dan Taska



TUJUAN:

Garis Panduan Penubuhan Tadika dan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) ini disediakan bertujuan untuk memudah cara serta memberi panduan kepada:

- i. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi teknikal dalam merancang dan menimbang permohonan pembangunan Tadika dan TASKA;
- ii. Pihak pemaju untuk menyediakan tapak dan membina Tadika dan TASKA mengikut kategori premis yang ditetapkan; dan
- iii. Pengusaha dalam proses penubuhan, pendaftaran dan permohonan lesen premis perniagaan untuk Tadika dan TASKA.

Penyediaan Garis Panduan ini dijangka akan dapat mempermudah dan mempercepatkan proses pendaftaran dan pelesenan operasi pengusaha Tadika dan TASKA, disamping menjamin keselamatan kanak-kanak di dalam proses pengasuhan dan pembelajaran pra-sekolah yang berkualiti.

PENGGUNA:

PBN, PBPT, PBT, Jabatan Teknikal, pemaju, pihak swasta dan orang awam.

Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*)



TUJUAN:

Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat (*Universal Design*) ini disediakan untuk membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) dan agensi pelaksana di dalam merancang dan merekabentuk kemudahan-kemudahan dan persekitaran bandar yang dapat memenuhi keperluan akses oleh semua golongan individu termasuk kanak-kanak, orang-orang tua dan golongan orang kurang/kelainan upaya (OKU).

PENGGUNA:

PBN, PBPT, PBT, pemaju, pihak swasta.

Garis Panduan Perancangan Terminal Kenderaan Berat



TUJUAN:

Garis Panduan Perancangan ini disediakan untuk memandu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi-agensi berkaitan di dalam merancang, membangun dan mengawal penyediaan Terminal Kenderaan Berat serta kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengannya.

PENGGUNA:

PBN, PBPT, PBT, Jabatan Teknikal, pemaju, pihak swasta dan orang awam.

Garis Panduan Perancangan Laluan Kemudahan Utiliti



TUJUAN:

Garis Panduan ini bertujuan membantu Pihak Berkuasa Negeri (PBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan pemaju dalam perancangan perletakan laluan penyediaan utiliti dalam sesebuah cadangan pembangunan.

PENGGUNA:

PBN, PBPT, PBT, Jabatan Teknikal, pemaju dan pihak swasta.

Buletin JPBD



Laporan Tahunan 2011



Rancangan Fizikal Zon Persisiran Pantai Negara



FEATURE ARTICLES

Berita Harian



New Straits Times



